

# Buletin Unisza

ISSN 2180-0235 | DISEMBER 2018 | BIL.26



**Malaysia Antara  
146 Negara  
Sertai WWMD**



## Pengurusan Tertinggi

Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif  
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

En. Ismail Ahmad  
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut  
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas  
Penasihat Undang-Undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani  
Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan

Pn. Norulhuda Makhtar  
Timbalan Ketua Perpustakaan  
(Pemangku)

## Sidang Pengarang

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh  
Penerbit UniSZA

Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam  
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Dr. Mohd Razif Shahril  
Fakulti Sains Kesihatan

En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee  
Pusat Antarabangsa

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Cik Nazilah Mohamad  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Roslida Abdul Razak  
Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan

Pn. Zurina Mansor  
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff  
Pusat Teknologi Maklumat

Pn. Norizan Mohammad  
Penerbit UniSZA

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin  
Penerbit UniSZA

## Senarai Nama Penyumbang

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
3. Pejabat Pendaftar
4. Perpustakaan UniSZA
5. Jabatan Pengurusan Pembangunan
6. Pusat Antarabangsa
7. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
8. Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan
9. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
10. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
11. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
12. Fakulti Sains Kesihatan
13. Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan
14. Fakulti Sains Sosial Gunaan
15. Fakulti Farmasi
16. Bahagian Pengurusan Akademik
17. Institut Kajian Pengeluaran Pertanian dan Inovasi
18. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
19. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamaduan Islam
20. Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat
21. Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar
22. Pusat Sukan dan Rekreasi
23. Pusat Pembangunan Hospital Universiti
24. UniSZA Digital Hub
25. Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh, Penerbit UniSZA
26. Dr. Hamdy Abdullah, Pejabat Bendahari
27. Dr. Saiful Iskandar Khalit, FBIM

Hak Cipta Terpelihara © 2018. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2018  
Pengarah, Penerbit UniSZA  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
Terengganu, MALAYSIA.  
Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867  
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



# KANDUNGAN

<b>Utama</b>	4
<b>Bengkel/Seminar/Kursus/Mesyuarat</b>	5
<b>Tokoh</b>	16
<b>Rencana</b>	19
<b>Pencapaian</b>	23
<b>UniSZA Bersama Komuniti Setempat</b>	34
<b>UniSZA dan Hubungan Antarabangsa</b>	47
<b>Sukan dan Ko-Kurikulum</b>	55
<b>Terbitan UniSZA</b>	60



# Hari Pemantauan Air Sedunia

Hari Pemantauan Air Sedunia diperkenalkan oleh Yayasan Air Bersih Amerika pada tahun 2003 sebagai program pendidikan bertaraf global. Ia bertujuan membina kesedaran dan penglibatan awam dalam melindungi sumber air di seluruh dunia yang melibatkan ramai individu untuk menjalankan pemantauan atas sumber air tempatan.

Penggunaan kit ujian yang ringkas bagi World Water Monitoring Day (WWMD) membolehkan semua peringkat masyarakat, termasuk kanak-kanak dan orang dewasa untuk mengambil sampel sumber air tempatan bagi satu set parameter kualiti air termasuk suhu, keasidan ( $\text{pH}$ ), kekeruhan (turbidity) dan oksigen terlarut (dissolve oxygen). Setelah itu, ia dikongsi dengan komuniti di seluruh dunia yang mengambil bahagian melalui laman web WWMC.

Hari Pemantauan Air Sedunia disambut pada 18 September (World Water Monitoring Challenge) setiap tahun setelah mengalami perubahan daripada 18 Oktober. Ia bertujuan untuk mengiktiraf ulang tahun Akta Air Bersih AS, yang digubal oleh Kongres Amerika Syarikat pada tahun 1972 untuk memulihkan dan melindungi air negara sumber. Pada tahun 2007, tarikh tersebut telah diubah untuk memudahkan penyertaan negara-negara di dunia yang mengalami suhu mencapai tahap beku pada masa itu.

Di UniSZA, penyertaan dalam program pengukuran kualiti air pada Hari Pemantauan Air Sedunia telah dimulakan oleh pihak Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) dengan kerjasama pihak Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) pada 18 September.

Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk mengukuhkan hubungan pihak UniSZA khususnya FBIM dengan komuniti setempat (pelajar dan guru sekolah di sekitar Besut) serta memberikan pendedahan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Akuatik dari Pusat Pengajian Sains Haiwan, FBIM berkenaan pengukuran kualiti air terutama bagi kursus berkaitan hidrologi.



menjaga kualiti air.

Antara objektif bagi program ini adalah menjalankan aktiviti pengukuran kualiti air di sungai sekitar Besut bersama pelajar dan guru SMK Pelagat bersempena dengan hari Pemantauan Air Sedunia. Selain itu, ia turut melatih pelajar Tahun 2 Sains Akuatik dan pelajar SMK Pelagat untuk bekerjasama dan berkomunikasi dengan masyarakat dalam menjalankan aktiviti pengukuran kualiti air. Bahkan, ia berjaya merapatkan hubungan Pusat Pengajian Sains Haiwan, FBIM dengan komuniti setempat.



Dalam keadaan dunia yang kini berada pada abad ke 21, gerakan pembaharuan bagi memberikan nafas baru kepada bidang pendidikan Sains dan Matematik peringkat persekolahan telah bermula. Salah satu daripada pembaharuan itu ialah pendekatan STEM (Science, Technology, Engineering & Mathematics). Bersepada. Oleh itu, pelaksanaan program ini dapat memperkenalkan penggunaan konteks pembelajaran yang bermakna dan berkait dengan kehidupan sebenar pelajar iaitu kepentingan mengetahui dan



# 7th East Coast Neuroradiology & Interventional Radiology Symposium

Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Perubatan telah menganjurkan *7th East Coast Neuroradiology & Interventional Radiology Symposium* pada 28-30 Julai. Simposium ini telah dihadiri lebih 100 orang peserta yang terdiri daripada pakar radiologi, pelajar sarjana pakar perubatan, pegawai perubatan, juru x-ray, jururawat dan pelajar sains kesihatan. Simposium ini diadakan dengan kerjasama Persatuan Radiologi Intervensional Malaysia dan *East Coast Neuroradiology & Interventional Radiology* (ECSNIR). Simposium selama tiga hari ini berlangsung di auditorium perpustakaan, Dewan al-Muktafibillah Shah dan Dewan Perdana. Perasmian simposium telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif.



Objektif simposium ini diadakan adalah untuk berkongsi pengetahuan terkini mengenai penyakit strok, sakit belakang dan kecederaan atlet. Selain itu, pendedahan teknik pengimejan diagnostik dan terapeutik yang terkini dan canggih turut dibincangkan dalam simposium. Bengkel prasimposium telah diadakan pada hari pertama yang melibatkan pelajar sarjana kepakaran perubatan, manakala hari kedua dan ketiga adalah khas untuk juru Xray. Selain itu, pelajar Diploma Radiografi turut dijemput menyertai simposium ini bagi memberi pendedahan tentang pengimejan diagnostik.

Symposium ini telah ditaja oleh pihak Integrated Medical System, Philips Malaysia Sdn. Bhd., Canon Medical System Malaysia, Medicine Pharma Sdn. Bhd., Cook Asia Malaysia Sdn. Bhd., Max Medica, Transmedic Healthcare Sdn. Bhd., Medtronic Malaysia Sdn. Bhd., GE Healthcare, Siemens Healthcare Sdn. Bhd. dan United Italian Trading (M) Sdn. Bhd. Pihak penaja turut memperkenalkan pelbagai teknologi terkini serta model mesin.



# Bengkel Keusahawanan UniSZA Digital Hub

## Fasa Pertama 2018

UniSZA Digital Hub (UDH) sebagai peneraju ruang guna sama di UniSZA telah mengadakan Bengkel Keusahawanan kepada syarikat permulaan di UDH. Bengkel keusahawanan yang ini merupakan satu program yang akan melengkapkan diri peserta dengan ilmu pengetahuan asas bagi mengendalikan sebuah syarikat serta bertujuan untuk melatih kemahiran berkomunikasi secara profesional. Matlamatnya adalah untuk melihat mereka menjadi usahawan yang maju dan berdaya saing serta mampu bersaing di pasaran luar.

Bengkel tersebut telah diadakan pada 19 Julai di Entre@Lab UniSZA Digital Hub, UniSZA Kampus Besut. Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada ahli ahli syarikat permulaan UDH serta pelajar latihan industri dalam bidang Teknologi Maklumat dan Multimedia telah hadir.

Bengkel dimulakan dengan sesi pengenalan kakitangan UDH bersama semua peserta yang hadir. Sesi kedua disambung pula bersama penceramah dari Syarikat Ledakan Digital, En Hazrul Mat Tajudin. Antara pengisian penting yang telah dikongsi beliau adalah teknik-teknik pemasaran digital, tips mencari prospek, dan teknik asas dalam menguruskan syarikat-syarikat kecil. Antara syarikat permulaan yang hadir adalah As Syabab Lensa Enterprise, Tri Cyxlon Technology, Mitez Solutions, Raxsoft System Consultant dan Ayuh Bina Teknologi.

Objektif jangka panjang bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang keusahawanan digital, seterusnya membolehkan mereka untuk memanfaatkan kuasa platform digital bagi mengembangkan perniagaan mereka selaras dengan agenda IR 4.0. Objektif lain antaranya memberi kemahiran *soft skill* kepada peserta, membantu usahawan untuk meningkatkan keyakinan diri dalam dunia pekerjaan, mengenal pasti bakat dan potensi peserta untuk menjadi usahawan berjaya, kekuatan dan kelemahan diri setiap syarikat serta meningkatkan kemahiran membuat persembahan kepada bakal pelanggan. Program sebegini dapat membantu memberi pendedahan dan pembelajaran kepada syarikat permulaan di UDH untuk lebih menonjol agar dapat bersaing di pasaran.





# Konvensyen Kepimpinan Mahasiswa Islam IPT Peringkat Kebangsaan 2018



Konvensyen Kepimpinan Mahasiswa Islam IPT Peringkat Kebangsaan 2018 merupakan program anjuran kali ketiga dilaksanakan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK). Program ini berlangsung pada 27 - 29 Ogos di UniSZA dengan kehadiran 171 pemimpin mahasiswa Islam dari 47 IPT merangkumi Universiti Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Program ini dianjurkan bagi mencapai objektif untuk membentuk pemimpin mahasiswa Islam yang memberi idea secara intelektual kepada pihak kerajaan melalui resolusi yang dihasilkan. Selain itu, program ini dapat membuka minda para pemimpin mahasiswa Islam tentang kepentingan perjuangan agama, bangsa dan negara. Terdapat lima slot yang disediakan dengan berteraskan lima prinsip Rukun Negara yang diukur dari perspektif Islam. Panel jemputan pula terdiri daripada pelbagai bidang seperti ahli politik, tokoh akademik dan pakar motivasi.

Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Malaysia Dr. Maszlee Malik, pada 29 Ogos di Dewan Perdana, UniSZA. Melalui ucapan beliau, Dr. Maszlee Malik menekankan para pemimpin mahasiswa untuk kembali kepada perkara asas perpaduan bangsa Malaysia iaitu lima prinsip Rukun Negara. Beliau juga berpesan tentang pentingnya sesuatu perkara dimulakan dengan impian kerana pengakhiran melalui usaha yang gigih akan menjadi realiti.





# Go in the Right Direction and **Fly High!**



Research is the systematic investigation into and study of materials and sources in order to establish facts and reach new conclusions. It discovers, elucidates and evaluates new knowledge, ideas and technologies essential in driving the future of society and humanity. Also, it fosters professional excellence in the faculty, important for delivering outstanding student education and training. In other words, research is part and parcel of a higher educational institution like university. To coordinate research activities, four Centre of Excellence (CoE) were established in UniSZA consisting of the Research Institute for Islamic Products and Malay Civilization (INSPIRE), East Coast Environmental Research Institute (ESERI), Research Institute for Food Production and Innovation (AGROPOLIS), and the Institute for Community [Health] Development (i-CODE).

The office of the Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation) has taken the initiative to hold a UniSZA CoE Direction Workshop. This workshop was held on the 29th of July at the Library Auditorium involving the Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation) himself the registrar and his officer, bursar, legal advisor, all directors and deputy directors of CoE, the director and deputy directors of Research Management, Innovation and Commercialisation Centre (RMIC), deans or representatives, assistant registrar from all CoE and three secretariats.

The purpose of the workshop was to make an outline for CoE establishment, staffing, CoE-Faculty relations and to discuss the carrier path for science officers in UniSZA. The participants were divided into four groups lead by the four CoE directors. The groups held discussions on titles given including CoE key performance index (KPI), carrier path for science officers, outline for establishment and abolishment of CoE, CoE-faculty direction and relations, academic programmes in CoE, and minimum staff structure for CoE. The discussion was smooth and lively with full commitment from everybody involved. Participants put their best in both the discussion and presentations. Even though some issues have not clearly found solutions, efforts made were encouraging.

In the closing session, Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation), Profesor Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad, advised the CoE to enhance research outputs by utilising university sources wisely. "We have to carry out the responsibility put on us rightly" he added in enforcing the importance of accomplishing our duty reliably.

This workshop is expected to give clearer direction to every CoE director and staff in increasing their achievement for the sake of the university and community, both locally and globally.





## International Conference on Global Humanitarianism and Human Rights (ICGHR) 2018

The International Conference on Global Humanitarianism and Human Rights 2018 (ICGHR) was held on 22 - 23 September at the Library Auditorium, UniSZA. It was organised by the Faculty of Law and International Relations, (FUHA), in collaboration with the Centre for Human Rights Research & Advocacy (CENTHRA) and Humanitarian

Care Malaysia (MyCARE). Co-organisers included Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Conflict Studies and Cultural Diversity (CSCD), Prince of Songkhla University, Pattani, International Committee of the Red Cross (ICRC) and Universitas Pembangunan Nasional "Veteran" Jawa Timur, Indonesia. The main objective of the conference was to highlight for participants current issues, challenges, humanitarian laws locally, nationally and internationally and issues related to humanitarian and human rights activities and social sciences according to each discipline. Keynote speakers were invited, namely Dr. Emir Hadzikadunic, Ambassador of Bosnia Herzegovina to Malaysia, Assoc. Prof. Dr. Hafidzi Mohd Noor, Chairman of MyCARE, and Mr. Azril Mohd Amin, Chief Executive of CENTHRA to exchange and share their experience, information, ideas and research findings relating to international humanitarian law.

Research is the systematic investigation into and study of materials and sources in order to establish facts and reach new conclusions. It discovers, elucidates and evaluates new knowledge, ideas and technologies essential in driving the future of society and humanity. Also, it fosters professional excellence in the faculty, important for delivering outstanding student education and training. In other words, research is part and parcel of a higher educational institution like university. To coordinate research activities, four Centre of Excellence (CoE) were established in UniSZA consisting of the Research Institute for Islamic Products and Malay Civilization (INSPIRE), East Coast Environmental Research Institute (ESERI), Research Institute for Food Production and Innovation (AGROPOLIS), and the Institute for Community [Health] Development (i-CODE).

The office of the Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation) has taken the initiative to hold a UniSZA CoE Direction Workshop. This workshop was held on the 29th of July at the Library Auditorium involving the Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation) himself the registrar and his officer, bursar, legal advisor, all directors and deputy directors of CoE, the director and deputy directors of Research Management, Innovation and Commercialisation Centre (RMIC), deans or representatives, assistant registrar from all CoE and three secretariat.

The purpose of the workshop was to make an outline for CoE establishment, staffing, CoE-Faculty relations and to discuss the carrier path for science officers in UniSZA. The participants were divided into four groups lead by the four CoE directors. The groups held discussions on titles given including CoE key performance index (KPI), carrier path for science officers, outline for establishment and abolishment of CoE, CoE-faculty direction and relations, academic programmes in CoE, and minimum staff structure for CoE. The discussion was smooth and lively with full commitment from everybody involved. Participants put their best in both the discussion and presentations. Eventhough some issues have not clearly found solutions, efforts made were encouraging.

In the closing session, Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation), Profesor Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad, advised the CoE to enhance research outputs by utilising university sources wisely. "We have to carry out the responsibility put on us rightly" he added in enforcing the importance of accomplishing our duty reliably.

This workshop is expected to give clearer direction to every CoE director and staff in increasing their achievement for the sake of the university and community, both locally and globally.





# Program Khas AKPK dan Bank Negara Malaysia

## Bersama Staf UniSZA

Perancangan dan pengurusan kewangan adalah penting bagi kesejahteraan hidup. Ramai penjawat awam terutama sekali golongan muda, telah terjerumus dengan pelbagai masalah dan isu yang serius berkaitan kewangan seperti kebankrakan dan tekanan hidup. Antara isu terpenting dalam kalangan penjawat awam adalah cara mengendalikan kredit; terutama sekali kad kredit dan tabungan yang cukup untuk menghadapi sebarang kecemasan atau membiayai perbelanjaan penting seperti perkahwinan, melanjutkan pelajaran, membeli aset seperti rumah, pelaburan, membeli insurans, dan persiapan untuk persaraan. Isu kewangan lain yang juga tidak kurang penting adalah pelbagai bentuk penipuan atau ‘scam’ seperti Macau Scam, Skim Cepat Kaya dan Bitcoin. Pengguna seharusnya bijak mengenal pasti penawaran yang tulen ataupun tidak, seterusnya dapat menghindarkan diri daripada terjerumus dengan masalah kewangan.

Tahap pengetahuan dan kesedaran yang rendah mengenai amalan pengurusan kewangan berhemah merupakan antara punca kepada masalah kewangan. Masalah ini dapat dielakkan sekiranya penjawat awam mempunyai pengetahuan mendalam mengenai pengurusan kewangan, memastikan gaya hidup sejajar dengan pendapatan, dan tidak terlalu ikutkan nafsu ketika berbelanja. Berdasarkan senario semasa, ilmu mengenai pengurusan kewangan adalah wajar diberikan kepada kakitangan UniSZA. Oleh itu, Program Khas Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Bank Negara Malaysia (BNM) Bersama Staf UniSZA telah diadakan pada hari Khamis, 18 Oktober bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak dan disertai seramai 150 orang kakitangan. Program yang berlangsung selama satu hari ini merupakan sebuah program anjuran bersama Pejabat Pendaftar dengan Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) bersama BNM dan AKPK.

Objektif pengajian program ini adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada kakitangan mengenai cara pengurusan kewangan yang bijak dan berkesan bagi mengurangkan kadar keberhutangan ke tahap yang lebih baik. Selain itu, ia dapat membantu dalam mengawal pengurusan kewangan peribadi dan dapat memberi peluang untuk meningkatkan nilai harta bersih. Semua pengisian program ini telah dirangka secara teliti bagi mencapai objektif pengajian. Program ini dilihat berupaya menjadi platform kepada kakitangan untuk menimba ilmu dan mempraktikkan amalan pengurusan kewangan yang bijak dan terbaik seterusnya dapat melahirkan penjawat awam yang cekap ilmu mengenai cara pengurusan kewangan yang betul. Program ini dilihat mampu menghasilkan masyarakat yang bebas masalah kewangan dan seterusnya akan membawa kepada kesejahteraan negara.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, rata-rata peserta dan kakitangan yang terlibat memberikan maklum balas yang positif dan berharap agar program sebegini akan diteruskan pada masa akan datang.

Program ini terbahagi kepada beberapa slot yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai kanan BNM iaitu Pengurus Pejabat BNM Kuala Terengganu, Encik Zulkifli Abu Talib; Eksekutif Kanan BNM Kuala Terengganu, Encik Syarulazmi Othman; dan Pengurus AKPK Kuala Terengganu, Puan Junainah Ahmad Esa. Antara pengisian program tersebut ialah Peranan BNM, Kenali Wang Anda, Jenayah Kewangan, Mencari Ketenangan, dan Klinik Kewangan Bersama AKPK.

Program seumpama ini berupaya meningkatkan kemahiran kakitangan UniSZA berhubung pengurusan kewangan yang bijak untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian bagi kesejahteraan hidup.





# Lawatan Ke Agensi Nuklear Malaysia

Lawatan ilmiah merupakan satu program yang dianjurkan untuk menambah dan memperluaskan pengalaman. Sehubungan dengan itu, Pusat Pengimejan Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan (FSK) telah menganjurkan lawatan ilmiah ke Agensi Nuklear Malaysia di Bangi, Selangor pada 27-28 September. Seramai 28 orang pelajar Diploma Radiografi dengan diiringi oleh tiga orang tenaga pengajar telah menyertai lawatan ini bagi mendapatkan pendedahan tentang modaliti dan demonstrasi prosedur terkini yang dijalankan dalam bidang fizik radiasi.

Para pelajar telah diberi taklimat dan dibawa melawat beberapa makmal termasuklah reaktor TRIGA PUSPATI, makmal Dosimetri Standard Sekunder (SSDL) dan Sinagama Plant. TRIGA merupakan singkatan kepada *Training, Research, Isotope Production, and General Atomic*. Reaktor TRIGA PUSPATI (RTP) mula digunakan pada tahun 1982 untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta latihan dan pendidikan di Malaysia. Semasa berada di TRIGA PUSPATI, penerangan mengenai beberapa peralatan seperti pen dosimeter dan sebagainya telah diberikan untuk menyukat kadar radiasi persekitaran.

Manakala makmal Dosimetri Standard Sekunder atau Secondary Standard Dosimetry Laboratory (SSDL), merupakan satu-satunya yang wujud di Malaysia sejak tahun 1980. Makmal ini telah diiktiraf sebagai makmal kebangsaan serta berjaya menepati piawai ISU/IEC17025 dan ISO 9001:2000. SSDL telah menyediakan dua perkhidmatan utama iaitu *personal dosimeter*, dan *calibration survey meter*. Kedua-dua sistem ini digunakan bagi tujuan penilaian seluruh badan dan juga pemantauan kawasan. *Personal dosimeter* perlu dipakai oleh pegawai X-ray, pekerja kilang dan pelajar pengimejan perubatan.



Loji Sinagama ialah tempat yang menggunakan sinar gamma dalam industri import dan eksport barang dan makanan di Malaysia. Sebagai contoh, buah pisang yang dieksport ke luar negara akan disinarkan dengan satu dos yang dapat mengelakkannya daripada masak terlalu awal dan cepat busuk. Dos ini tidak berbahaya kepada manusia dan tidak mengubah sifat semula jadi makanan. Para pelajar turut diberikan penerangan mengenai alat-alat dalam loji tersebut yang menggunakan tenaga radiasi tinggi.

Lawatan ini membantu para pelajar meneroka dengan lebih meluas aplikasi radiasi yang tidak hanya terhad kepada bidang pengimejan perubatan dan seterusnya membantu dalam pembangunan kerjaya pada masa hadapan. Ia juga diharap dapat mengeratkan hubungan dengan Agensi Nuklear Malaysia dan meningkatkan perkongsian maklumat serta ilmu bagi tujuan penambahbaikan program pada masa akan datang.



# Program Pemukiman

## Jabatan Pengurusan Pembangunan UniSZA Menaikkan Semangat Bekerjasama



Jabatan Pengurusan Pembangunan UniSZA (JPP) telah menganjurkan Program Pemukiman bagi menyelaraskan fungsi setiap unit serta memastikan urus tadbir JPP berada di landasan yang betul selari dengan JPP Universiti Awam di Malaysia.

Seramai 83 orang peserta telah menghadiri program pemukiman ini yang berlangsung selama tiga hari dua malam di De Rhu Beach Resort, Kuantan, Pahang pada 5-7 Julai. Program ini secara amnya adalah bertujuan untuk memurnikan carta organisasi JPP dan tugas hakiki bagi setiap unit di JPP. Secara tidak langsung, program ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara semua staf JPP yang hadir menerusi aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan

seperti pencarian harta karun, sukaneka dan sukan air. Di samping itu, kerjasama antara staf dapat dipertingkatkan menerusi aktiviti sukaneka yang banyak menjurus kepada aspek kerjasama dan kemahiran interpersonal bagi staf yang terlibat. Penganjuran program ini dilihat sebagai satu keperluan bagi mendapatkan mutu kualiti kerja yang terbaik.

Program bermanfaat ini merupakan cetusan idea daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad. Beliau turut sama menghadiri program tersebut dan memberi pandangan beliau berkaitan perkara yang dibincangkan dalam program tersebut. Dalam ucapannya, beliau menegaskan beberapa perkara yang melibatkan aspek integriti, kerjasama, nilai-nilai murni dan semangat perpaduan antara semua staf JPP. Di samping itu, beliau turut mencadangkan agar Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) turut diterapkan dalam urusan kerja bagi memudahkan tugas hakiki kakitangan UniSZA. Seterusnya, "Ikhlaskan niat, cuba yang terbaik" adalah ungkapan penutup beliau yang mengajak semua staf JPP untuk bersama-sama melahirkan staf UniSZA yang terbaik seterusnya menaikkan lagi imej UniSZA di persada dunia.





# Seminar Antarabangsa Al-Quran dan Masyarakat Kontemporari

## Merungkai Isu-isu Wanita Kontemporari Menurut Al-Quran

Penghayatan terhadap prinsip umum yang terdapat dalam al-Quran merupakan mekanisme kepada memahami semua aspek kehidupan dan penyelesaian kepada isu dan persoalan semasa. Era globalisasi hari ini, kepesatan teknologi dan kebejatan maklumat memerlukan sesuatu persoalan yang timbul diselesaikan menggunakan pendekatan yang holistik selaras dengan prinsip yang terkandung dalam al-Quran. Isu-isu berkait dengan wanita dalam pelbagai aspek kini kian mendesak ke arah suatu penyelesaian yang menyeluruh. Isu kedudukan dan status wanita serta keterlibatannya dalam bidang pentadbiran, ekonomi, kekeluargaan, pendidikan dan perubatan wajar ditangani dengan bijak. Pendekatan holistik yang diinspirasikan daripada al-Quran ini akan menatijahkan penyelesaian yang selaras dengan pencapaian Maqasid Syariah.



Berdasarkan senario semasa ini, penghayatan terhadap prinsip umum berkaitan dengan wanita dalam al-Quran diterjemahkan melalui penganjuran seminar al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari kali kelima (SQ2018) oleh Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) pada 15 - 16 September. Seminar dua hari yang berlangsung di Dewan Al-Muktafi Billah Shah (DABS) UniSZA ini bertemakan 'Al Quran Pemacu Pemerksaan Wanita Menerusi Pelaksanaan Syariat' dan disertai oleh hampir 300 orang peserta dan pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara. Dua orang pembentang ucaptama telah membentangkan kertas kerja masing-masing dalam seminar tersebut iaitu Prof Dr. H. Husein Azis, dari Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia dan Syeikh Dr. Ahmed Essa Hassan Elmasarawy dari Universiti al-Azhar, Mesir. Selain itu, empat orang pembentang utama turut membentangkan kertas kerja mereka iaitu Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (UIAM), Prof Madya Dr. Radwan Jamal El Atrash (UIA), Prof Dr. Kamarul Shukri Mat Teh (UniSZA) dan Prof. Madya Dr. Sharifah Norshah Bani Syed Bidin (UniSZA).

Objektif utama penganjuran seminar kali ini ialah untuk membincangkan isu-isu kontemporari berkaitan wanita menurut perspektif al-Quran sebagai bukti ketinggian fungsi dan kesesuaiannya sebagai rujukan berautoriti dan autentik bagi segenap aspek kehidupan manusia, selari dengan *niche* FKI. Penganjuran SQ2018 ini membuka ruang kerjasama yang erat dan menggalakkan pertukaran maklumat dalam kalangan peserta dari pelbagai negara melalui pertemuan pihak-pihak yang terlibat dalam SQ 2018. Seminar ini juga menjadi medium untuk membentuk jaringan perkongsian kepakaran, dan kolaborasi pintar bagi membina jambatan diplomatik yang baharu dalam kalangan akademia dari pelbagai institusi sama ada di peringkat kebangsaan, mahupun antarabangsa. Selain itu, kejayaan menganjurkan SQ2018 ini dapat mengetengahkan Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara yang memartabatkan ilmu-ilmu berkaitan al-Quran, dan keterkaitan dengan bidang-bidang ilmu kontemporari lain.

Seminar kali ini dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim. Dalam ucapan perasmian SQ2018, perasmian menegaskan bahawa pendekatan holistik yang sebenar dalam mencari penyelesaian kepada permasalahan berkaitan dengan wanita adalah dengan kembali kepada teras panduan wahyu yang suci. Sepanjang seminar dua hari ini, sejumlah 90 kertas kerja telah dibentangkan dalam dua sesi pembentangan selari yang menyentuh pelbagai isu berkaitan wanita dan penyelesaiannya berdasarkan kepada pendekatan yang terdapat dalam al-Quran. Isu kontemporari yang diketengahkan oleh pembentang turut menarik perhatian peserta dan melihat penganjuran seminar ini adalah bertepatan dengan tema dan peka dengan perkembangan semasa. Turut hadir pada seminar ini adalah Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif bagi



menyampaikan ucapan aluan.

Penganjuran seminar SQ2018 juga diserikan dengan majlis menandatangani MOU dan MOA (penyelidikan) antara FKI, dan Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia yang menghimpunkan kumpulan penyelidik daripada kedua-dua buah universiti ini.

Majlis perasmian penutup SQ2018 diakhiri dengan pembentangan resolusi seminar oleh Pengerusi Seminar SQ2018, Prof. Dr. Abdul Hakim Abdullah yang menyentuh aspek pelaksanaan ke arah memperkasakan jati diri wanita menurut perspektif al-Quran. Usaha ini wajar digembleng oleh semua pihak yang terlibat. Penganjuran SQ2018 diharapkan dapat menjadi medium bagi menterjemahkan kedudukan al-Quran sebagai asas kepada kehidupan yang berkonsepkan *syumul* dan adil.



## Bengkel Qimmatul Juhdi Bahasa Arab SPM 2018

Bahasa Arab merupakan mata pelajaran bahasa teras bagi pelajar Sekolah Menengah Agama selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa Arab dilihat sebagai asas penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar Pengajian Islam kerana sebilangan besar sumber ilmu Pengajian Islam adalah daripada buku atau kitab berbahasa Arab. Menyedari hakikat ini, maka pelbagai strategi bagi mencapai matlamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) disusun sebaik mungkin selaras dengan misi sekolah dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Program kerjasama Panitia Bahasa Arab Sekolah Menengah Agama Khairiah Kuala Terengganu (SMAKH) dengan UniSZA ini merupakan satu program yang julung kali dilaksanakan. Berdasarkan keperluan ini, SMAKH merangka Bengkel Qimmatul Juhdi Bahasa Arab SPM bagi 179 calon SPM yang diadakan di Dewan Auditorium Bangunan Akademik UniSZA, Gong Badak pada 4 Ogos.

Tanggungjawab ini telah diberikan kepada Panitia Bahasa Arab Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tersebut dengan kerjasama Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) UniSZA. Seramai lima orang guru dan seorang pensyarah bahasa Arab dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi UniSZA iaitu En. Mohd Fauzi Abd Hamid ditugaskan untuk mengawal selia program tersebut.

Program ini dirancang untuk mencapai sasaran seratus peratus lulus mata pelajaran bahasa Arab bagi peperiksaan SPM nanti di samping mencapai prestasi kurikulum yang cemerlang bagi melayakkan pelajar-pelajar menyambung pengajian ke pusat pengajian tinggi.

“Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak PJIM dan UniSZA kerana memberi peluang kepada anak-anak kami menggunakan segala kemudahan UniSZA ke arah merealisasikan impian kami,” ujar Guru Kanan Mata Pelajaran Bahasa Arab SMAKH, Ustazah Rosmani Mohamad, yang begitu teruja bila julung kali berpeluang membawa pelajar-pelajarnya ke UniSZA.

Melalui penganjuran program ini diharapkan akan menyuburkan semangat kecintaan terhadap bahasa Arab di samping memantapkan kemahiran dan penguasaan semasa menjawab soalan yang berkaitan. Juga, semoga ia memberi impak besar kepada calon-calon SPM tahun 2018 agar menjadi satu bi'ah yang baharu kepada pelajar seterusnya memotivasi mereka untuk berusaha menjelaki tangga menara gading.





# UniSZA

## Team Building Course

Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Kursus UniSZA Team Building Course Siri 1/2018 di Kem iM4U, Pusat Pembangunan Holistik Pelajar, Merang, Setiu. Program selama tiga hari dua malam ini telah diadakan pada 26-28 Jun. Bertitik tolak daripada saranan Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) kepada Pejabat Pendaftar supaya diadakan kursus yang boleh membentuk sistem kerja berpasukan yang mantap di kalangan staf UniSZA maka 36 staf telah dipilih untuk menghadiri kursus ini.

Kursus ini dirangka bagi menerapkan maklumat latar belakang asas organisasi kepada staf di mana mereka mesti melalui peringkat ini bagi membolehkan mereka mengenali, menghayati serta memahami tugas dan tanggungjawab yang mereka laksanakan semasa berada di organisasi. Objektif kursus ini diadakan adalah bagi menyampaikan matlamat misi, visi serta nilai teras universiti yang perlu diketahui dan dihayati oleh setiap staf yang berkhidmat di UniSZA. Kursus ini juga dapat memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme staf supaya lebih berketerampilan, berkemampuan dan mempunyai keyakinan diri sewaktu bertugas.

Pelbagai modul telah dijalankan yang melibatkan aktiviti dalam dan luar dewan antaranya Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Aktiviti Berjalan Malam, Aktiviti Air dan taklimat-taklimat berkaitan dengan nilai teras UniSZA, sayangi UniSZA serta ilmu dan akhlak. Kesemua slot taklimat itu telah disampaikan oleh pegawai-pegawai UniSZA. Fasilitator luar yang sangat berpengalaman, Encik Salmonafiki Ibrahim telah dijemput khas untuk mengendalikan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Barisan jurulatih Pusat Pengurusan Holistik Pelajar (PPHP) juga turut membantu dalam menjayakan kursus dengan aktiviti-aktiviti dan bantuan kemudahan-kemudahan di kem dibawah penyeliaan PPHP.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah berjalan dengan lancar dan para peserta dilihat sentiasa bersemangat di sepanjang kursus ini berlangsung. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Pendaftar UniSZA, Encik Ismail Ahmad dan menyatakan rasa gembira dengan kejayaan program yang telah dianjurkan dan berhasrat supaya program ini akan diteruskan pada masa hadapan.



## FKI Anjur Himpunan Mahabbah Bersama Murabbi

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah mengadakan program Himpunan Mahabbah bersama Murabbi (HIMMAH 3.0) pada 4 Oktober di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA, Kampus Gong Badak. Program HIMMAH 3.0 ini merupakan program yang julung kali diadakan hasil inisiatif Jawatankuasa Ijazah Dasar FKI sebagai salah satu program dalam pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik (SPA). Bersesuaian dengan nama yang diberikan, program ini diisi dengan slot-slot yang boleh mengukuhkan tautan ukhuwah antara Penasihat Akademik dengan pelajar, khususnya dan antara semua staf FKI bersama pelajar FKI, umumnya. Hal ini penting agar suasana mesra, muhibah dan saling memahami dapat diwujudkan dalam kalangan pelajar, pensyarah dan pegawai universiti, selaras dengan fungsi Penasihat Akademik yang digariskan. Selain itu, program ini juga diadakan untuk memupuk perasaan kasih sayang antara warga pensyarah FKI dengan seluruh mahasiswa, selain untuk meningkatkan kemahiran kendiri dalam diri pelajar.





SEJENAK BERSAMA

# PENYANDANG KERUSI JAMALULLAIL, PROF. DR. BASRI IBRAHIM



**Sudi kiranya YBrs. Prof. memperkenalkan latar belakang YBrs. Prof. dari aspek kerjaya dan pengalaman sebagai seorang ahli akademik?**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu. Suka saya memperkenalkan diri sebagaimana yang dipinta. Saya memulakan langkah di alam persekolahan di Sekolah Rendah Kebangsaan Atas Tol, Kuala Terengganu yang mengambil masa selama enam tahun, iaitu sehingga tahun 1979. Kemudian, saya ditawarkan untuk bersekolah di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin Ladang, Kuala Terengganu pada tahun 1980 sehingga menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pada tahun 1982. Setelah itu, saya menyambung pengajian di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dengan program persijilan tingkatan empat dan lima sehingga memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pada masa yang sama, saya juga berjaya menamatkan pengajian peringkat Diploma di KUSZA dengan memperoleh keputusan *Mumtaz* dalam bidang syariah.

Dengan rahmat daripada Allah s.w.t., saya berada dalam kalangan pelajar terbaik sehingga ditawarkan untuk melanjutkan pengajian di Pra Akademi Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan. Namun, saya menolak tawaran tersebut akibat desakan minat untuk merasai suasana pembelajaran di luar negara sehingga saya mengambil keputusan untuk ke Universiti al-Azhar, Mesir di Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa selama dua tahun. Kemudian, saya pulang ke tanah air dan bertugas di KUSZA mulai bulan Mactahun 1991 sehingga sekarang. Sebelum saya dipinjamkan ke Universiti Islam Malaysia (UIM), pada awal tahun 2018, saya merupakan seorang tenaga akademik yang melalui tiga fasa perjalanan UniSZA, iaitu semasa KUSZA, Universiti Darul Iman Malaysia(UDM) dan UniSZA itu sendiri. Saya merupakan pensyarah dalam bidang syariah dan pernah dilantik sebagai penyelaras program bagi Diploma Pengajian Islam Syariah dan Program Diploma Lanjutan. Sekarang, saya dipinjamkan ke UIM dengan menyandang Kerusi Jamalullail selama dua tahun. Selain itu, saya turut terlibat dengan penulisan akademik serta forum peringkat nasional dan antarabangsa.

**Menurut pandangan YBrs. Prof., apakah perkara penting yang semestinya dilalui oleh seorang ahli akademik dalam bidang masing-masing untuk menjadi pakar sehingga mampu memberi sumbangan yang berimpak tinggi?**  
Saya berpandangan bahawa seseorang yang terjun dalam arena akademik seharusnya mempunyai beberapa ciri bagi melengkapkan kriteria mereka sebagai ilmuwan sehingga melayakkkan mereka digelar sebagai pakar dalam bidang



masing-masing. Ahli akademik memerlukan sekurang-kurangnya dua perkara iaitu menguasai ilmu dalam bidang masing-masing dan menguasai serta memahami waqi' (suasana semasa). Bagi menguasai ilmu dalam bidang masing-masing seorang sarjana wajib menelaah secara mendalam mengenai sesuatu ilmu waima melalui pembacaan atau penyelidikan. Melalui penyelidikan yang dijalankan, ia akan memunculkan ilmu baharu yang menjadi bahan untuk dicurahkan kepada pelajar. Justeru, bagi menyempurnakan tahap kematangan ilmu yang dimiliki, ahli akademik seharusnya mempunyai minda yang terbuka dengan erti kata mempunyai ufuk fikir yang murunah (fleksibel). Dengan itu, mereka perlu mencari bahan-bahan yang boleh membuka minda untuk disesuaikan dengan ilmu yang dimiliki agar metode penyampaian kepada pelajar tidak bersifat stereotaip serta segar, seiring dengan keperluan terkini. Ini bermakna, kaedah pengajaran seharusnya menarik dan mereka perlu memahami kedudukan dan tahap penerimaan pelajar. Saya ingin ingatkan di sini bahawa metode hafalan sentiasa diperlukan dalam pembelajaran dan pengajaran. Untuk menghafal sesuatu ilmu, ia memerlukan hati yang bersih serta tidak diselaputi dosa dengan maksiat yang dilakukan.

Malah, konsep pembelajaran sepanjang hayat perlu dihayati dalam menambahkan khazanah ilmu agar ia sentiasa berkembang dan menjadi panduan dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, untuk merealisasikan apa yang dinyatakan kita perlu merenung kata-kata Imam Malik kepada Imam al-Syafi'i, iaitu ilmu boleh dikategorikan kepada dua, iaitu ilmu di hujung lidah dan ilmu di dalam hati. Ilmu yang pertama akan memberi kekayaan di dunia semata-mata. Namun, ilmu yang kedua akan memberikan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh itu, sifat tawaduk amat relevan untuk menjadi seorang yang alim dalam sesuatu bidang ilmu.

**Sebagai seorang yang berkecimpung dalam dunia akademik melebihi 20 tahun, apakah pandangan YBrs. Prof. tentang perkembangan terkini dalam pendidikan tinggi khususnya yang menyentuh tentang pengajian Islam?**

Menurut pandangan saya, pendidikan tinggi kini sangat banyak cabaran seiring dengan masa dan pengaruh kecanggihan teknologi. Oleh yang demikian, amat wajar bagi mereka yang terlibat secara langsung atau tidak dalam dunia pendidikan melakukan anjakan paradigma agar serasi dengan perubahan. Khususnya, dalam bidang pengajian Islam, para pensyarah dan pelajar tidak seharusnya terikat dengan kandungan kitab dan nota kuliah semata-mata. Malah, mereka dituntut untuk memahami apa yang berlaku dalam masyarakat. Misalnya, untuk mengeluarkan sesuatu fatwa, konsep yang asas perlu dikuasai di samping memahami situasi semasa berkaitan masyarakat. Ini bagi memastikan fatwa yang diwartakan menepati kehendak syarak berdasarkan kepada keadaan sebenar. Selain itu, pendidikan tinggi dikatakan mencabar kerana graduan yang dihasilkan akan berhadapan dengan masyarakat yang mempunyai pelbagai latar. Ini dilihat dalam konteks dakwah kepada variasi bangsa yang menganut pelbagai agama. Oleh itu, penguasaan bahasa asing juga amat penting dalam konteks memperkasa pengajian Islam kerana ia akan dapat disampaikan dengan mudah dan berkesan selain menjadi tarikan pelajar dari luar negara untuk datang ke negara ini.

**Apakah pandangan dan saranan YBrs. Prof. untuk memperkasa peranan dan kebolehsumbangan bidang pengajian Islam dalam pembangunan negara?**

Dalam hal ini, saya berpandangan bahawa institusi yang menyediakan program pengajian Islam perlu memperkuuh subjek sedia ada dengan menambahkan lagi koleksi rujukan semasa. Begitu juga, mereka yang terlibat semestinya memantapkan pengetahuan pelajar dengan isu semasaseperti perkembangan politik, hal-ehwal sosial, isu-isu berkaitan halal dan haram dalam pemakanan dan sebagainya. Dalam skop perkembangan ilmu pula, yang boleh menyumbang terhadap pembangunan negara, institusi pengajian Islam digesa mengambil inisiatif mengadakan kursus pendek kepada masyarakat awam dengan mendedahkan ilmu Islam semasa. Sebagai tambahan, institusi pengajian tinggi boleh mengadakan kerjasama dengan sekolah-sekolah sekitar untuk mengalirkkan ilmu khususnya dalam konteks khidmat masyarakat.

**Sebagai panduan dan maklumat kepada umum, bolehkah YBrs. Prof. kongsikan pandangan berkenaan dengan isu-isu yang timbul dalam masyarakat sekarang terutamanya berkenaan pendirian Islam mengenai Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT), Maqasid Syariah dan hukum-hukum Islam yang berlaku dalam konteks semasa?**

Fenomena LGBT merupakan perkara yang secara jelas ditolak oleh Islam kerana boleh membawa kehancuran dalam sistem sosial umat manusia keseluruhannya. Justeru, di sini secara jelas menunjukkan bahawa ia bukanlah untuk dibincangkan dari aspek halal atau haram, atau boleh atau tidak boleh. Namun, apa yang perlu diambil berat ialah bagaimana untuk menanganinya agar tidak merebak dan membarah dalam masyarakat serta memulihkan mereka yang telah terlibat. Apa yang menarik, baru-baru ini kerajaan Selangor melalui hasil perbincangan tokoh-tokoh agama menetapkan bahawa pemberian zakat dibolehkan kepada golongan in. Ia bertujuan memulihkan mereka daripada terus terbelenggu dalam kemelut ini serta mengelakkkan mereka mendapatkan bantuan daripada pihak gereja. Ini kerana, dibimbangi mereka akan terpengaruh dengan agama Kristian.

Saya beranggapan pendekatan ini terdapat kerelevanannya tersendiri yang berasaskan kepada kaedah perawatan. Mengenai maqasid syariah, ia sememangnya perlu diperkasa kerana berupaya menangani banyak perkara



yang berlaku dalam kalangan masyarakat dan negara. Jika diamati tujuan syarak, iaitu menjaga agama, akal, nyawa, harta dan keturunan, ia merangkumi segenap ruang kehidupan manusia. Malah, apabila Islam menjadi panduan kehidupan, ia menjamin hak-hak orang Islam dan bukan Islam. Dalam perkembangan terkini, saya turut terpanggil untuk memberi respons mengenai isu pelaku maksiat yang mengatakan ia adalah hak peribadi. Menurut hemat saya, apabila terdapat laporan mengenai sesuatu maksiat dilakukan sama ada secara terang-terangan maupun secara tersembunyi, ia perlu dicegah oleh pihak berkuasa. Namun, seseorang dilarang untuk sengaja mencari perbuatan maksiat yang dilakukan orang lain sekiranya ia tidak diketahui kerana dilakukan secara tertutup.

**Pada pandangan YBrs. Prof., apakah usaha yang perlu dilakukan atau dipertingkatkan supaya UniSZA menjadi sebuah universiti yang menjunjung dan mengamalkan syariat Islam?**

Melalui pengamatan saya, interaksi yang baik antara sesama pelajar sama ada muslim atau tidak, menepati masa, hormat-menghormati antara satu sama lain, budaya salam dan sebagainya adalah termasuk dalam syariat. Bagi menobatkan roh Islam dalam kehidupan di kampus, pelajar bukan Islam perlu didedahkan dengan isu-isu yang berkaitan dengan umat Islam semasa. Ini bertujuan memahamkan mereka tentang polemik yang berlaku agar Islam tidak dipandang serong oleh golongan ini. Perkara lain yang boleh ditetapkan ialah mewujudkan budaya solat berjemaah. Misalnya, waktu kuliah yang melibatkan masa untuk solat diberi kelonggaran kepada pensyarah dan pelajar untuk menunaikan solat bersama. Di samping itu, kecaknaan terhadap masyarakat sekeliling perlu ditunjukkan dengan menyediakan sumbangan kepada mereka yang memerlukan. Umpamanya, memperuntukkan sejumlah wang dan tabung masjid untuk membeli makanan bagi disalurkan kepada mereka yang digolongkan di bawah asnaf zakat.

**Sebagai penyandang Kerusi Jamalullail, apakah antara perancangan serta tanggungjawab yang diamanahkan kepada YBrs. Prof., dan apakah cabaran yang dihadapi untuk melaksanakan amanah tersebut. Bagaimana pula ini dapat membantu UniSZA pada masa yang akan datang secara khususnya dan juga bagi kelangsungan kejayaan akademik umumnya?**

Sebelum saya menjawab soalan yang diutarakan, amat wajar untuk diketahui latar belakang Kerusi Jamalullail ini. Hakikatnya, ia dibentuk oleh Majlis Agama Islam Perlis (MAIP) yang dipengerusikan oleh Raja Muda Perlis. Nama Jamalullail adalah merujuk kepada keturunan Raja Perlis. Tujuannya adalah untuk menghasilkan pelajar berijazah tinggi, iaitu memegang kelayakan sarjana dan doktor falsafah. Peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM1.2 juta yang melibatkan tempoh selama tiga tahun. Oleh itu, saya ditugaskan untuk membimbing para pelajar ini sehingga tamat pengajian. Sekarang, saya mempunyai seramai empat orang pelajar peringkat sarjana dan dengan jumlah yang sama di peringkat doktor falsafah. Saya berkeyakinan bahawa UniSZA berupaya menghasilkan lebih ramai pensyarah yang mampu memberi sumbangan kepada para pelajar di universiti lain. Malah, program-program yang terdapat di sini boleh juga ditawarkan di universiti lain dan menjadikan universiti berkenaan sebagai tempat untuk membina nilai akademik.

**Bolehkah YBrs. Prof. kongsikan rahsia kejayaan dan budaya kerja yang diamalkan oleh YBrs. Prof. serta apakah nasihat yang boleh disampaikan kepada warga UniSZA dan generasi seterusnya untuk turut sama berjaya?**

Sebagai akhir kalam, saya ingin berkongsi beberapa perkara sebagai panduan untuk semua khususnya mereka yang terlibat dalam dunia akademik. Hakikatnya, ia telah disentuh oleh sarjana Islam lampau tetapi jarang diamalkan.

Pertama, segerakan tugas dan tanggungjawab yang diberi. Jika tidak mengetahui cara untuk melakukan tugas berkenaan, seseorang itu hendaklah bertanya kepada mereka yang arif.Kedua, tekun dalam bekerja iaitu meraikan kaedah moden dalam pekerjaan dan ia dilakukan dan secara bersistematik.Ketiga, berperanan dalam masyarakat. Ahli akademik yang tidak terlibat dalam aktiviti bersama masyarakat akan canggung untuk berinteraksi dengan dunia luar sekali gus menyempitkan ruang pergaulan.

Keempat, memantapkan ilmu dengan melakukan banyak pembacaan serta mananamkan perasaan sentiasa kekurangan walaupun semakin banyak melakukan rujukan.Kelima, memperkaya adab dalam menuntut ilmu sehingga ia mengatasi ilmu itu sendiri. Ini termasuklah adab ketika bercakap, bergurau, berinteraksi dan sebagainya.Keenam, menunaikan ibadah yang berbentuk fardu dan memperbanyak amalan sunat.Ketujuh, mengamalkan sikap tawaduk terutamanya ketika berhubungan dengan orang lain.Akhir sekali, memberi kerjasama dengan menyertai program-program anjuran universiti untuk mengeratkan lagi silaturrahim sesama kakitangan.





# Kesedaran Pencegahan LGBT Perlu Dipertingkat

Wan Hishamudin Wan Jusoh, Ph.D.  
Emel: whishamudin@unisza.edu.my

**K**egawatan aturan sosial dalam masyarakat kini kian menekan berikutan timbul pelbagai keadaan yang mampu merosakkan kestabilan hidup mereka. Misalnya, liputan kes pembuangan bayi dan kelahiran anak luar nikah oleh media yang kian bertambah menandakan keturunan manusia semakin terancam sekali gus membuka lebih banyak kerancuan bermasyarakat. Ini dikuatkan lagi dengan pelbagai kegiatan jenayah seperti pembunuhan, rompakan, rogol, lumba haram, seks bebas dan sebagainya. Malah, ia dirumitkan lagi dengan munculnya golongan yang melawan arus fitrah kejadian manusia iaitu Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT).

Lesbian adalah merujuk kepada kecenderungan perasaan dan seksual seseorang wanita terhadap wanita lain (Margaret Cruikshank 1992). Manakala, gay merupakan istilah yang digunakan untuk menunjukkan seseorang yang berminat terhadap seseorang yang sejenis dari aspek jantinanya dan kebiasaannya ia dikaitkan dengan lelaki (J. Tod Ormsbee 2010). Biseksual pula ialah istilah yang mewakili golongan yang fleksibel dalam erti kata mempunyai keinginan seks terhadap pasangan berlainan jenis jantina atau sama dan ia berlawanan dengan kelompok heteroseksual yang bercirikan seks normal (Fritz Klein 1993). Seterusnya, transgender secara umumnya adalah menyentuh tentang individu atau kumpulan manusia yang mengubah fizikal dan keinginan mereka daripada jantina yang asal (Chris Beasley 2005). Berbanding dengan kesalahan dan jenayah lain yang dilakukan seseorang, LGBT amat sukar ditangani kerana ia melibatkan perasaan, emosi dan keinginan yang dikatakan oleh pejuang hak asasi manusia sebagai '*individual rights*'. Fahaman yang berorientasikan kebebasan secara logik ini diakiri oleh pemikiran liberalisme yang bertuhankan sekularisme sekali gus menolak agama untuk diaplikasikan dalam ketentuan peraturan hidup di dunia. Apa yang mengerikan, saban hari golongan ini berusaha untuk membawa usul supaya Seksyen 377A-D Kanun Keseksaan dalam Akta 574 dihapuskan supaya perlakuan mereka sah menurut undang-undang negara. Ini menunjukkan bahawa kecelaruan peringkat individu telah menghidupkan satu bentuk gerakan berkumpulan yang bersistematis bagi memperjuangkan agenda dan keinginan mereka. Walaupun punca terjadinya gejala LGBT kurang jelas, namun terdapat beberapa faktor yang mengheret mereka ke kancah tersebut seperti kekeluargaan, persekitaran dan kurangnya pendidikan agama.

Faktor kekeluargaan merupakan agen utama yang akan membentuk seseorang individu sama ada menjadi insan yang berkembang mengikut apa yang sepatutnya atau sebaliknya. Ini kerana, seseorang yang dilahirkan daripada kecil akan tinggal bersama keluarga yang akan membentuk mereka sama ada secara langsung atau tidak (Tim R. Johnston, 2016). Pembentukan secara langsung yang dimaksudkan di sini ialah usaha ahli keluarga untuk membimbing dan mendidik seseorang mereka sehingga kalis daripada pengaruh yang tidak sihat. Pendidikan secara tidak langsung pula ialah seperti cara bercakap, bertindak, berkomunikasi dan lain-lain yang berupaya mempengaruhi mereka yang berada dalam lingkungan keluarga berkenaan. Ini bermakna, pengaruh keibubapaan sangat memberi kesan terhadap perkembangan anak-anak dan individu dalam keluarga. Sebagai contoh, sekiranya seorang bapa yang sering berinteraksi dengan anaknya secara kasar, ia menjadikan anak tersebut turut terbiasa untuk berbuat demikian sehingga mereka dewasa. Malah, keadaan ini berupaya menjadikan anak perempuan bersifat dan berkomunikasi seperti lelaki. Ini menunjukkan bahawa pembentukan seseorang individu di peringkat keluarga harus diberi perhatian rapi bagi mengelakkan daripada unsur yang merosakkan. Namun, dengan pendidikan dan contoh terbaik yang diberikan keluarga tidak semestinya menjamin seseorang menjadi insan berakhlik jika di persekitarannya terdapat elemen yang menyebabkan kebejatan moral.

Faktor persekitaran memainkan peranan besar dalam mempengaruhi menjadikan seseorang terpengaruh terhadap LGBT. Misalnya seorang anak lelaki yang sentiasa berkawan dan berada dalam lingkungan kanak-kanak perempuan, secara tidak langsung, tindak-tanduk, gaya bercakap, berfikir dan kecenderungan mereka akan berbentuk keperempuanan sehingga mereka membesar dalam keadaan yang sedemikian (Tim R. Johnston, 2016). Apakah lagi, dalam keadaan remaja yang kurang mendapat perhatian dan kasih sayang ibubapa, mereka akan mencari rakan yang dapat mengisi kekosongan jiwa dengan cara yang salah seperti terlibat dengan amalan seks bebas dan gejala tidak bermoral yang lain. Keadaan ini diburukkan lagi dengan pengaruh teknologi maya berikutnampemparan perkara yang merangsang seseorang terlibat dan terbudaya dengan cara kehidupan liberal di Barat. Melihat kepada perkembangan



peranti mudah alih yang kian canggih, kegawatan ini akan berkembang dengan cepat jika tidak dikawal dengan bijaksana dan selagi mana pengguna memanfaatkannya dengan cara yang salah. Oleh yang demikian, benteng pertahanan yang kukuh perlu disematkan dalam diri seseorang agar mereka sentiasa terpelihara daripada dihujani unsur-unsur yang membarahi keadaan. Untuk itu, jiwa dan spiritual manusia seharusnya dibentuk dan digagalkan dengan ajaran agama. Jika ajaran dan amalan agama diabaikan, sesebuah masyarakat akan berhadapan dengan pelbagai masalah yang sukar untuk dirungkaikan.

Hakikatnya, pengabaian terhadap pendidikan agama adalah punca penyebab yang menjerumuskan seseorang kepada LGBT (M.R. Rozikin, 2017). Apabila seseorang berada dalam keadaan jahil, amalan keagamaan mereka juga terbatas lantaran tidak tahu untuk beramal dengan cara yang betul. Lanjutannya, nafsu mereka sukar dikawal sehingga membawa kepada terlibatnya seseorang dengan gejala yang tidak sihat ini. Dengan erti kata yang lain, ilmu agama menjadi perisai utama yang ditunjangi benteng keimanan bagi mempertahankan diri seseorang daripada sebarang kemungkaran. Malah, keimanan yang jitu kepada Allah s.w.t. bertindak memagar seseorang secara efektif daripada dekadensi akhlak sekali gus berupaya membina insan mulia serta mempunyai akhlak terpuji (M.R. Rozikin, 2017). Tegasnya, faktor-faktor berkenaan perlu diambil perhatian oleh semua pihak yang merangkumi golongan ibubapa, pendidik dan pemegang kuasa agar pencegahan peringkat awal dapat ditingkatkan bagi mengelakkan mereka yang berada di bawah jagaan masing-masing terkesan dengan LGBT.

Kesimpulannya, ibubapa dan pendidik perlu menunjukkan komitmen berintensif bagi merancakkan proses pembentukan anak-anak dan pelajar agar diisi dengan pengetahuan yang sempurna dan peka dengan keadaan sekeliling. Ilmu yang berjaya diwatakkan dalam diri seseorang semenjak daripada kecil mampu menjadikan mereka membesar dalam keadaan yang sempurna dan seiring dengan panduan yang benar. Hasilnya, mereka akan sentiasa dilindungi daripada belenggu kejahilan dan kalis daripada unsur-unsur yang merosakkan diri sendiri, terutamanya kancah Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender.

## Rujukan

- Chris Beasley. 2005. *Gender & Sexuality*. London: Sage Publication.  
Fritz Klein. 1993. *The Bisexual Option*. New York: Harrington Park Press.  
J. Todd Ormsbee. 2010. *The Meaning of Gay*. United Kingdom: Lexington Books.  
M.R. Rozikin. 2017. *LGBT Dalam Tinjauan Fikih*. Malang: IUB Press.  
Margaret Cruikshank. 1992. *The Gay and Lesbian Liberation*. New York: Routledge.  
Tim R. Johnston. 2016. *Affirmation, Care Ethics, and LGBT*. New York: Springer Nature:



# The Micro Foundation of Industrial Revolution 4.0: Innovative Work Behaviour

Hamdy Abdullah, PhD  
Email: hamdy@unisza.edu.my

In response to the call of the Industrial Revolution 4.0, innovation portrays a crucial responsibility in the current extraordinarily competitive and technologically forward-thinking realm. Successful organisations create competitive advantage through individuals' innovativeness. Every public university(UA) depends on the knowledge, creativity and innovative engagement of their organisational members to create various innovative concepts such as massive open online courses, automation of financial tasks and cashless campus. Innovative work behaviour (IWB) of employees is indispensable if they are to be active partakers in realising organisational purposes as well as, in a broader perspective, the goals of education in Malaysia. IWB basically denotes the planned initiation, campaign and accomplishment of new ideas within an individual, work cluster or organisation, with the purpose of benefitting one's own performance, or that of the group or organisation (Scott & Bruce 1994). All UA employees are therefore expected to rapidly and aptly respond to their customers, put forward new ideas and produce new products/services for organisational sustainability. For that reason, this article is aimed at briefly elaborating the four dimensions of IWB based on the work of De Jong and Den Hartog (2010) as per Figure 1 (i.e. idea exploration, generation, promotion as well as implementation).



Figure 1. The Four Dimensions of Innovative Work Behaviour

## Idea Exploration

The process of innovation is initiated when employees begin to recognise new opportunities. De Jong and Hartog (2010) described opportunity exploration as identification as well as understanding of obstruction and necessity that correspond to prospects to innovate in product and process. Kanter (1988) recognised the need for opportunity to innovate. The finding may be a chance to improve situations or a threat demanding for an instantaneous answer. Drucker (1985) identified seven sources of opportunities comprising: unpredicted achievements, failures or events; gaps between

'what is' and 'what should be'; fluctuations in industrial or market structures; process needs in reaction to identified shortcomings; fluctuations in demographics such as labour force composition; changes in perception; and finally, new knowledge. Therefore, employees should be exposed and familiar with various sources in order to recognise the best opportunity to perform innovation. The best opportunity may reflect the organisational priority and would be highly critical to the stakeholders. This opportunity exploration is when organisations anticipate a release of the established routine and systems. In addition, opportunity exploration can also be thought of as a phase in which employees are finding ways the existing services or delivery processes can be improved; or it can be seen as how those workers are looking for problem solutions (Farr & Ford 1990; Kanter 1988).

To encourage idea exploration, organisational leaders should be an innovative role-model, delegating power as well as less monitoring to the employees (de Jong & Den Hartog 2007). Yesil and Sozbilir (2013) found employees with high personality traits related to openness to experience such as curiosity, intelligence and flexibility, significantly contributed in idea exploration. Employees who are highly open to experience are able to look for new opportunities to improve things. Therefore, employees with such personality normally develop dynamic social interactive activities such as continuous cooperation and shared views among themselves during idea exploration. Usually, employees may explore the opportunity via paying attention to the surrounding issues which are not part of his or her routine work.

## Idea Generation

Idea generation takes place when employees have the ability to direct their behaviour towards concept generation for betterment in organisational performance (Kanter 1988). De Jong and Den Hartog (2010) defined idea generation as the establishment of new, relevant, and potentially useful ideas to address recognised opportunities for improvement. The basis of idea generation lies on arrangement as well as restructuring of information and current ideas to overcome identified shortcomings or to expand performance.

The generation of ideas may relate to new products, services or processes, the entry into new markets, improvements in current work processes, or in general terms, solutions to identified problems (Kanter 1988). De Jong and Den Hartog (2007) identified ten leader behaviours that encourage idea generation among employees namely, innovative role-modelling, intellectual simulation, stimulating knowledge diffusion, providing vision, consulting, delegating, support for innovation, organising feedback, recognition, less monitoring as well as task assignment.



Leaders in respective departments may apply intellectual stimulation and foster innovation and creativity by reframing new problems and approaching old situations in new and novel conducts. Through leadership, new ideas are presented to employees and they are challenged to think critically. Employees are encouraged to use imagination and creativity in rethinking assumptions of old ways while doing things. Employees should be encouraged to share the knowledge and skills they acquired during the course of their duties. Employees should also be encouraged to regularly exchange views and discuss to find the best formula to help achieve a work goal. Intellectual stimulation could be maximised through knowledge sharing among them particularly when the group is composed of a multi-functional membership.

### Idea Promotion

Ideas on innovation do not usually originate from employees that possess formal positions in an organisation but rather ideas come from people exposed to direct contact with their field work (Kanter 1988). The novel ideas are engendered from those who possess dedication as well as confidence that their ideas are feasible and will be accepted by other organisational members. Therefore, an idea champion refers to someone who possesses hard work to transform ideas into reality by overcoming all the possible organisational barriers (de De Jong & Den Hartog 2010). Shih and Susanto (2011) opined that leaders should provide innovative employees with conflict management skills in order for them to manage conflicts positively. A good idea champion should be able to make key organisational members enthusiastic with the innovative ideas. Leaders are usually assigned great responsibility to convince management of respective departments of the innovative solution. It is crucial to obtain approval from the management prior to the implementation of innovative ideas at the workplace.

It is proposed that a shared leadership style which is characterised by frequent consultation should be adopted due to the greater possibility of innovation success during this stage. On the other hand, a lack of employee involvement of input for decision making may increase the tendency of failure of forthcoming innovation projects. During the consultation, potential conflict with co-workers should be anticipated. This is because other employees may feel stressed and threatened due to the destabilisation of their routines.

### Idea Implementation

Once a new product is agreed to be developed, the implementation takes place. The product should undergo a pilot test to ensure that it may be able to overcome the identified problems as well as meet the intended objectives. Subject to necessity, the prototype should correspondingly go through modification if it fails to address the shortcomings. Any gap identified during the pilot test should be analysed and modification should be carried out to the prototype based on the results. Then, the prototype should undergo another pilot test. This is

critical to ensure the future products or services would be able to meet expectations and be tailored in accordance to customer's needs. UA should adopt a mistake management approach by convincing employees that mistakes are a style of study opportunity. Error learning will influence IWB due to the fact that it requires innovativeness i.e. ability to perform innovation (Yin 2011).

Employee's readiness is crucial in convincing and influencing the customers on the new innovation in the existing environment. Customers should also be informed of the benefits of the new approach for the working process particularly from the customer's point of view. During the pilot test, employees need to measure the results and compare them with the target setting. If necessary, modification needs to be done until the desired result is achieved. Subject to the success, the new solution will be diffused in the existing environment for the benefit of targeted customers. The project needs to continuously be monitored by the employees to ensure the new project effectively overcomes the shortcomings. Definitely, the innovative projects of UA goes a long way as it may have other remarkable consequences to the organisation such as knowledge sharing, benchmarking and commercialisation.

To conclude, it is hoped this article provides an insight on how employees' innovativeness takes place in response to the needs of Industrial Revolution 4.0 which is to be the micro foundation for every UA.

### References

- De Jong, J. P., & Den Hartog, D. N. 2007. How leaders influence employees' innovative behaviour. *European Journal of Innovation Management*, 10(1): 41-64.).
- De Jong, J., & Den Hartog, D. 2010. Measuring innovative work behavior. *Creativity and Innovation Management*, 19(1): 23-36.
- Drucker, P.F. 1985. *Innovation and Entrepreneurship*. New York: Harper & Row.
- Farr, J.L., & Ford, C.M. 1990. Individual innovation. in West, M.A. and Farr, J.L. (Eds). *Innovation and Creativity at Work*. New York: Wiley.
- Kanter, R. M. 1988. When a thousand flowers bloom: Structural, collective and social conditions for innovation in organizations. *Research in Organizational Behavior*, eds. Staw BM and Cummings LL, 10.
- Scott, S.G., & Bruce, R.A. 1994. Determinants of innovative behavior: a path model of individual innovation in the workplace. *Academy of Management Journal*, 37(3): 580-607.
- Shih, H. A., & Susanto, E. 2011. Is innovative behavior really good for the firm? Innovative work behavior, conflict with coworkers and turnover intention: moderating roles of perceived distributive fairness. *International Journal of Conflict Management*, 22(2): 111-130.
- Yesil, S., & Sozbilir, F. 2013. An empirical investigation into the impact of personality on individual innovation behaviour in the workplace. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 81: 540–551.



## Cerapan Gerhana Bulan Penuh

Fenomena gerhana bulan penuh yang telah berlaku pada 28 Julai, merupakan gerhana penuh kali kedua untuk tahun 2018 selepas fenomena yang sama pada 31 Januari lalu. Gerhana bulan penuh 28 Julai ini berlaku pada awal pagi, iaitu bermula jam 2.24 pagi (fasa separa). Fasa penuh gerhana bermula jam 3.30 pagi, diikuti fasa maksimum pada jam 4.21 pagi. Fasa penuh gerhana berakhir jam 5.13 pagi, serentak bermulanya fasa separa kali kedua dan berakhir pada jam 6.19 pagi. Tempoh gerhana selama 103 minit menjadikan gerhana ini diiktiraf sebagai gerhana bulan terpanjang abad ini.

Sempena fenomena ini, Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) dengan kerjasama Pusat Islam, Pusat Teknologi Maklumat dan Pusat Komunikasi Korporat telah menganjurkan Program Cerapan Gerhana Bulan Penuh yang diadakan di perkarangan Masjid UniSZA bermula jam 9.00 malam 27 Julai hingga 6.30 pagi 28 Julai. Program ini dibuka kepada umum bagimembolehkan masyarakat dan pelajar turut sama menyaksikan fenomena gerhana ini. Penggunaan teleskop dan kamera membolehkan fenomena tersebut dirakam secara langsung.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad bersama-sama Pengarah ESERI, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir menyaksikan fenomena gerhana bulan penuh sehingga akhir. Program ini dimulakan dengan ceramah gerhana oleh Felo Penyelidik ESERI, Dr. Roslan Umar. Cerapan dimulakan seawal jam 2.00 pagi sehingga tamat gerhana pada jam 6.19 pagi. Penganjuran program sebegini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat dan pelajar tentang fenomena langit dan aktiviti astronomi serta instrumen yang digunakan di samping menyemai minat terhadap pengajian astronomi khususnya dan sains amnya.



## Mahasiswa OKU UniSZA Menang Tempat Ke-4 Pertandingan 3 Minit Idea di UTM

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Universiti Telnologi Malaysia (UTM) telah mengadakan Program Konvensyen Mahasiswa dan Mahasiswa OKU 2018 pada 28 - 30 September bertempat di UTM Skudai, Johor. UniSZA telah menghantar penyertaan seramai 14 orang pelajar yang terdiri daripada sepuluh mahasiswa dan empat mahasiswa OKU.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memupuk kesedaran awam berhubung kepentingan perkhidmatan dan kebajikan terhadap mahasiswa terutama sekali mahasiswa OKU di Malaysia, meningkatkan keupayaan dan memberi nilai tambah dari aspek pengetahuan, kemahiran komunikasi, kerja berpasukan serta kebolehan menyelesaikan masalah dalam diri mahasiswa dan mahasiswa OKU. Antara program yang berimpak tinggi yang diadakan adalah pertandingan 3 Minit Idea yang menyaksikan penglibatan mahasiswa dan mahasiswa OKU dalam memperkenalkan idea-idea berasas berkaitan pembangunan sahsiah mereka. Pertandingan ini diadakan sebanyak tiga pusingan.

Mahasiswa OKU Penglihatan dari UniSZA, Saudari Nurul Hidayah Abu Hassan, Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial dengan Kepujian daripada Fakulti Sains Sosial Gunaan telah berjaya mendapat tempat ke 4 dalam pertandingan tersebut dan membawa pulang hadiah berupa wang tunai, cenderahati dan sijil.





# Kolaborasi FSK-SMK Sultan Sulaiman

## Rangkul Pingat Emas di IIDEK 2018



Fakulti Sains Kesihatan (FSK), UniSZA telah berkolaborasi dengan SMK Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu untuk membantu sepuluh orang pelajar aliran Sains Tingkatan 4 membuat ciptaan inovasi terhadap dua projek sains yang telah dipertandingkan di Pesta Schoolwide Enrichment Model (SEM) peringkat negeri Terengganu bertempat di Pusat Dagangan Terengganu pada 14-16 Ogos.

Projek *Let's Dates* dan *Edible Waterball* daripada pelajar dan guru SMK Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu telah dipimpin oleh Prof. Dr. Sakinah Harith dan Dr. Abbe Maleyki Mohd Jalil, pensyarah Fakulti Sains Kesihatan (FSK) untuk dipertandingkan dalam Pesta SEM tersebut. Kesemua pelajar tersebut telah diberi pendedahan mengenai asas saintifik terhadap dua produk yang akan dipertandingkan. Kolaborasi ini telah mencapai objektif apabila produk *Let's Dates* telah mendapat pingat emas dan tempat ketiga di antara semua sekolah di seluruh Terengganu dalam Pesta SEM Terengganu 2018.

Rentetan daripada kejayaan produk *Let's Dates* memenangi pingat emas di Pesta SEM, pihak FSK, UniSZA dan SMK Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu sekali lagi telah berkolaborasi sekali lagi dalam mempertandingkan produk ini ke peringkat kebangsaan. Lima orang pelajar SMK Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu iaitu Aness Khalisyah, Alia Adriana, Nur Syaza Wafia, Nusrat Adawiyyah dan Wan Faiqah Izzati serta dibantu guru sains mereka iaitu Cikgu Normah Yon telah mendapat bimbingan dan nasihat untuk mempertingkatkan lagi produk *Let's Dates* dengan input sains yang lebih mendalam dan digunakan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat Malaysia. Pelajar juga amat teruja apabila pencarian sains yang lebih terperinci dapat menimbulkan idea berasas dan konkrit yang dapat dikongsi bersama untuk faedah saintifik.

Hasil kolaborasi ini telah melayakkan produk inovasi ini merangkul Pingat Emas dalam Pertandingan *Invention, Innovation and Design Exposition* (IIDEK 2018) yang telah diadakan di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC) UiTM Shah Alam pada 24-28 September. Produk inovasi yang dimenangi ialah *Let's Dates* dengan tema 'Kemanisan yang anda inginkan'. Produk ini adalah merupakan gula daripada kurma untuk kebaikan komuniti ke arah hidup yang lebih sihat. Penghasilan produk ini dapat menjadi gula alternatif kepada gula tebu dan mempunyai khasiat nutrien yang lebih berkualiti berbanding gula tebu. Selain itu, produk ini juga mengandungi indeks glisemik yang lebih rendah berbanding gula tebu dan sesuai digunakan oleh pesakit diabetes dan individu yang mementingkan penjagaan kesihatan.

Bimbingan ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai ilmu sains yang diperoleh melalui penyelidikan ilmiah.



# Pelajar UniSZA Memenangi Anugerah Tokoh Siswa

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menganjurkan Majlis Anugerah Tokoh Siswa pada 22 September di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Majlis yang diadakan pada setiap tahun ini adalah untuk mengiktiraf penglibatan pelajar dalam penganjuran program atau aktiviti berimpak tinggi kepada masyarakat yang mempunyai elemen insaniah yang tinggi.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah, Saudara Muhammad Adib Afifi Nor Hidan dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam telah berjaya memenangi Anugerah Tokoh Siswa bagi kategori Pemimpin Badan Beruniform. Beliau membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000 berserta sijil penghargaan. Pihak UniSZA mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan ini dan berharap ia menjadi inspirasi kepada pelajar-pelajar yang lain.

Penganjuran Majlis Anugerah Tokoh Siswa KPM ini secara tidak langsung memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kecemerlangan pelajar universiti dalam bidang kurikulum dan akademik.





# UNIMAKER 2018

## Peringkat Zon Timur

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dengan kerjasama UniSZA telah menganjurkan Program UNIMAKER Peringkat Zon Timur pada 7 Oktober 2018 bertempat di Dewan Al Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak.

UNIMAKER 2018 adalah pertandingan membangunkan produk inovasi dan teknologi untuk tujuan penghasilan idea-idea inovasi dan penyelesaian inovatif ke arah pembentukan teknologi baharu yang berteraskan Revolusi Industri ke-4 (IR 4.0). Dengan tema *Towards National 4th Industrial*, UniSZA Digital Hub bersama Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) selaku pihak urusetia telah menerima penyertaan daripada 53 kumpulan (212 peserta) dari tujuh universiti awam dan swasta Zon Timur. Universiti yang terlibat adalah dari Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Tati University College (TATIUC), Universiti Islam Antarabangsa Kuantan (UIAM), Universiti Teknologi MARA Cawangan Kuala Terengganu (UITM), Universiti Selangor (UNISEL) dan UniSZA, selaku tuan rumah pada tahun ini.

Proses saringan di peringkat zon telah bermula sejak Julai. Lima pemenang utama dari setiap Zon Timur, Tengah, Selatan, dan Utara melayakkan diri untuk bertanding di Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 22 November di Universiti Malaya. Manakala, pemenang utama bagi tempat kelima hingga juara masing-masing membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000, RM4,500, RM7,000, RM8,500 dan RM15,000.

Pada penjurian sesi pertama, sepuluh orang juri yang dilantik dan telah melakukan proses penilaian terhadap 53 kumpulan sebelum membuat pemilihan 15 kumpulan terbaik untuk mara ke pusingan kedua. Majlis perasmian penutup UNIMAKER2018 Peringkat Zon Timur telah dimeriahkan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UniSZA, Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad. Beliau dalam ucapannya menzahirkan rasa teruja dan bangga dengan penyertaan peserta dari Zon Timur yang melebihi sasaran asal iaitu 50 kumpulan dan berharap program ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang. Beliau juga turut berbesar hati menyampaikan hadiah kepada semua pemenang.



Tahniah diucapkan kepada pemenang tempat ketiga dengan Produk *Smart Class* iaitu Saudara Mohamad Faiz Mohamad Mokhtar, Hazimi Muhammad, Muhammad Murshid Ramlan dan Hadri Omar kerana menjadi wakil tunggal UniSZA yang akan bertanding di peringkat kebangsaan. Program seumpama ini diharapkan dapat diteruskan lagi bagi meningkatkan nilai tambah diri graduan yang akan menjadi pemangkin masa depan negara. Tahniah dan sekalung penghargaan buat semua jawatankuasa yang telah bertungkus lumus bagi memastikan penganjuran UNIMAKER 2018 Peringkat Zon Timur ini berlangsung dengan jayanya.



# Promoting UniSZA Globally

UniSZA can be proud of many things, not least among them is the fact that UniSZA is a leading university on the east coast of Malaysia for both graduate studies and international student enrollment. Currently UniSZA has 955 active international students from 35 countries. This remarkable achievement is possible with the close cooperation between the faculties, the Graduate School and the International Centre.

In order to continue to be known as a ‘Preferred International University’, UniSZA participated in three education fairs in October 2018. The promotional events were organized by Education Malaysia Global Services (EMGS) and saw the participation of dozens of private and public universities.

Participation in the events was coordinated by the International Centre. Lecturers from the Faculty of Islamic Contemporary Studies, Faculty of Economics and Management Sciences, Faculty of Languages and Communication and Faculty of Bioresources and Food Industry were involved promoting UniSZA overseas. The countries visited included Jordan, Indonesia and Cambodia. Both Jordan and Indonesia are important markets for international students. Jordanian students make up approximately 35% of our international student population. While among Asian countries, Indonesia contributes the highest number of students. Cambodia on the other hand is a new area of focus. In recent years our faculties have conducted research, carried out student mobility and held volunteer activities in Cambodia. It is now time to expand our engagement with our ASEAN neighbour to include student recruitment.

The week-long visit to Jordan involved promoting UniSZA in three main cities, Amman, Irbid and Aqaba. The tour was a combination of exhibitions in each city, combined with visits to high schools. UniSZA alumni from Jordan played an important role in supporting our recruitment efforts as they were on hand to answer questions and lend support at all three cities. Hundreds of potential students visited the exhibition in each of the three cities to get details on programmes offered and how to apply online.

The Indonesian promotional event was held over two days at the Malaysian Embassy in Jakarta, 13-14 October, 2018. UniSZA’s booth was visited by hundreds of potential students attracted to our comprehensive choice of programmes and competitive prices. In addition to the exhibition, UniSZA lecturers gave a talk promoting the university on the second day to the participants.

Cambodia was UniSZA’s third and final international promotional fair for 2018. Held at Phnom Penh over just one day, the turnout and feedback from the students and their families was positive. Officials from the Malaysian Embassy in Cambodia, plus representatives from the Cambodian Ministry of Education attended the exhibition. UniSZA alumni Yep Hamptann (Usuluddin 2017) was the only Cambodian to have graduated from a Malaysian university attending the fair. As a local, he was able to promote UniSZA to the crowd of high school and university students. With 45 Malaysian institutions participating, EMGS reported the fair in Phnom Penh to be its largest ever.

International education fairs are an important way for the university to ensure its name is well known overseas. Together with our strong foundation of quality education, we will continue to see growth in the number of international students wanting to study at UniSZA.





# AGROPOLIS

Jalankan Persampelan Daun Pokok Karas Spesis  
*Aqularia subintegra* dan *Aqularia malaccensis*



Pokok Karas ialah salah satu daripada lapan spesis dalam genus *Aqularia* yang berasal dari Asia Tenggara, khususnya di hutan hujan Indonesia, Malaysia, Thailand, Kemboja, Laos, Vietnam dan India Utara. Pokok Karas dipercayai digunakan untuk tujuan perubatan alternatif sejak dahulu lagi.

Berdasarkan kelebihan pokok karas tersebut, staf Institut Kajian Pengeluaran Pertanian dan Inovasi Makanan (AGROPOLIS) telah membuat dua persampelan daun pokok

karas iaitu bagi spesis *Aqularia Subintegra* dan *Aqularia malaccensis*. Persampelan daun pokok Karas spesis *Aqularia subintegra* dilakukan di ladang persendirian milik Pengarah syarikat Global Inoculen Technologies, Kuala Lumpur, Encik Sarippudin Md.Yunus di Simpang Ampat, Alor Gajah, Melaka pada 30 Julai yang lalu. Manakala pada 15 Ogos pula, persampelan daun pokok karas spesis *Aqularia Malaccensis* dibuat di Ladang Hutan Karas, Hutan Simpan Merchang, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu.

Seramai lima orang staf AGROPOLIS dengan dibantu oleh tiga orang pelajar latihan industri, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah terlibat mendapatkan sampel daun karas spesis *Aqularia Subintegra* dan *Aqularia Malaccensis* untuk uji kaji di makmal. Daun-daun karas ini dipetik menggunakan peralatan yang sesuai bagi mengelakkan kerosakan pada pokok karas. Daun yang muda dan matang dicampurkan dan disimpan di dalam bekas ais bagi mekekalkan kesegaran daun.

Sebanyak 27 kilogram daun pokok karas berjaya diperoleh di kedua-dua ladang tersebut. Antara bioaktiviti yang ingin dilihat daripada daun karas ini adalah antioksidan, antidiabetik dan antimikrob.

Produk yang bakal dihasilkan oleh pihak AGROPOLIS adalah teh yang diekstrak daripada daun pokok karas yang dipercayai dapat membantu merawat dan mencegah penyakit kronik seperti lumpuh, diabetes, kanser, buah pinggang dan sebagainya. Penghasilan produk seumpama ini diharapkan dapat mengurangkan jumlah pesakit kronik di Malaysia.





# UniSZA raih Anugerah Perdana di Anugerah Kecemerlangan Jalinan Sekolah Kluster Kecemerlangan dengan Universiti Awam 2018

UniSZA dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) (P) Alawiyah, Kangar, Perlis masing-masing dipilih menerima Anugerah Perdana Anugerah Kecemerlangan Jalinan (AKJ) Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK)-Universiti Awam (UA) 2018.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBSK), KPM, Encik Aidie Jantan yang diadakan, di Putrajaya pada 16 Oktober.

Dalam majlis itu, Encik Wan Ismail Wan Abdullah dari UniSZA dipilih menerima Anugerah Tokoh Penyelaras UA, Puan Basyirah Omar dari SMKA (P) Alawiyah menerima Anugerah Tokoh Penyelaras SKK (Sekolah Menengah) dan Encik Khamarul Azwan Mohd Nawi dari Sekolah Kebangsaan Gong Badak, Terengganu dipilih menerima Anugerah Tokoh Penyelaras SKK (Sekolah Rendah).

Sementara itu, Aidie ketika membacakan teks ucapan perasmian Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Amin Senin berkata, anugerah itu adalah pengiktirafan kepada SKK dan UA atas kejayaan serta kecemerlangan diraih hingga ke peringkat antarabangsa.

“Dalam era ekonomi dunia yang sentiasa berubah, pelajar bukan hanya perlu mengetahui dan memahami kandungan mata pelajaran tetapi perlu mengaplikasikan pengetahuan yang diterima dalam pelbagai konteks berbeza.

“Kerjasama ini dapat memanfaatkan konsep bekerjasama antara akademik, industri, kerajaan dan komuniti untuk menyemai, membangun serta mengkomersialkan idea melalui ekosistem inovasi,” katanya.

Majlis anugerah ini turut memberikan Anugerah Akademik kepada SK Gong Badak, Anugerah Kokurikulum kepada SMK Chukai, Kemaman dan Anugerah Inovasi kepada Sek Sains Hulu Terengganu serta Anugerah Kertas Kerja Kajian Tindakan Terbaik kepada Penyelidik SM Imtiaz Yayasan Terengganu Kuala Berang.

Bagi kategori Anugerah Kertas Kerja Kajian Tindakan, SM Imtiaz YT Kuala Berang, SMA Tengku Amalin A’ishah Puteri, Kelantan, SMK Ismail Petra, Kelantan dan SK Tepus, Terengganu masing-masing dianugerahkan pingat emas. Manakala pingat perak dianugerahkan kepada SMKA Lati, Kelantan dan SMK



Chukai, Terengganu serta pingat gangsa kepada SMKA Melor, Kelantan.

AKJ SKK-UA 2018 bermatlamat membudayakan penyelidikan, memperkembang dan mengukuh jaringan dan jalinan, perkongsian amalan terbaik, merapatkan jurang kecemerlangan antara sekolah serta memperkembang kreativiti dan inovasi. *J a l i n a n Sekolah Kluster Kecemerlangan Dengan Universiti Awam merupakan proses berterusan dalam bentuk hubungan dua hala serta timbal balik. Pada 2017, semua SKK telah menjalin rangkaian dengan UA untuk merintis inovasi dalam kurikulum, pengajaran dan pembelajaran dan keseluruhan pengurusan sekolah.*

Mesyuarat Permuafakatan antara Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi pada 31 Julai 2007 telah mencadangkan untuk mewujudkan kerjasama dalam bentuk Kluster Universiti-Sekolah.

Permuafakatan ini menekankan konsep asas iaitu setiap UA menjadi mentor kepada semua Sekolah Kluster Kecemerlangan yang terpilih. Program Jalinan Sekolah Kluster Kecemerlangan dengan UA dikendalikan oleh satu Jawatankuasa Bersama (Task Force) yang terdiri daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBSK), Sektor Pelajaran (SP) bersama dengan Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik (BPPA), Jabatan Pendidikan Tinggi.

Penganugerahan ini terbuka kepada semua Sekolah Kluster Kecemerlangan Fasa 1 hingga Fasa 10 (415 SKK) dan merupakan simbol pencapaian serta kemajuan perhubungan SKK-UA. Kesemua program yang dilaksanakan hasil kerjasama kedua-dua belah pihak selama dua tahun berturut-turut layak dinilai untuk penganugerahan. Tempoh masa pelaksanaan program jalinan yang layak dinilai bermula pada bulan Ogos 2016 sehingga Julai 2018. Bentuk penilaian ini berdasarkan Penilaian Kertas Kerja Kajian Tindakan, Impak Program Jalinan Kebitaraan dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah SBP dan Sekolah Kecemerlangan Shamsuddin Mustapha serta Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Dr Nazli Mahdzir.




# Sekitar Masjilis Idul Ilmi Konvokesyen ke-10

Gambar oleh:

Wan Mohd Fadzli W. Samsudin, Mohd Zulfadhli Jusoh, Mohd Robi Nordin @ Aziz, Mohd Lokman Hamid, Mohd Radzi Abdul Kadir, Syahariman A. Manaf, Ahmad Saufi Ismail











**K**esilapan dalam pengambilan ubat-ubatan yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat bukan sahaja boleh menyebabkan terjejasnya keberkesanan ubat yang diambil, malah turut mengakibatkan kesan sampingan kepada pesakit.

Oleh yang demikian, langkah pencegahan seperti kesedaran tentang penggunaan ubat secara selamat dalam kalangan pesakit perlu dilakukan. Usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah insititusi pengajian tinggi, hospital, klinik kesihatan dan agensi swasta yang berkaitan.

Menyedari hakikat ini, Fakulti Farmasi mengambil inisiatif mengadakan Program Khidmat Masyarakat '*Home Medication Review*' (HMR) bagi mendekati para pesakit melalui lawatan dari rumah ke rumah. Ini bertujuan memberi kesedaran tentang pentingnya pengetahuan dan pemahaman berkaitan penggunaan ubat-ubatan secara betul dan selamat.



Pengarah Program, dan disusuli dengan Majlis Perasmian dan pelepasan pasukan HMR yang disempurnakan oleh Dekan FF, Prof. Dr. Ab. Fatah Ab. Rahman. Pasukan HMR yang dipecahkan kepada tiga pasukan bergerak secara berasingan ke rumah-rumah pesakit yang telah dikenal pasti oleh pihak Jawatankuasa Kampung di sekitar Kota Putera. Melalui lawatan ini, pesakit dan penjaga diberi penerangan mengenai kaedah penggunaan dan penyimpanan ubat-ubatan dengan betul. Sebanyak 15 buah rumah berjaya dilawati oleh tiga pasukan HMR yang berakhir pada jam 1.00 tengah hari.

Program yang berlangsung selama setengah hari ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Penganjuran program ini merupakan pemangkin kepada FF untuk mendekatkan diri dengan komuniti melalui aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan.

## 'Home Medication Review'

### Jelajah Kota Putera, Besut

Program yang diadakan pada 18 Ogos ini disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta iaitu Klinik Kesihatan Jabi, Klinik Kesihatan Padang Luas, Klinik Kesihatan Kampung Raja, Farmasi Ibnu Sina, Farmasi Pharmaco Plus, Farmasi Ammar Medicare, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kg. Raja Utara, Kg. Raja Selatan dan Kg. Raja Terbak.

Program ini dimulai dengan taklimat oleh





# AGROPOLIS UniSZA

## Jalin Kerjasama dengan TDMP

AGROPOLIS telah menjalinkan kerjasama dengan TDM Plantation Sdn Bhd (TDMP) dengan menandatangani *Memorandum of Understanding* (MoU) pada 28 Ogos. Antara aktiviti yang dipersejuaui adalah meningkatkan potensi tanah BRIS (*Beach Ridges Interspersed with Swales*) melalui pembekalan bahan organik iaitu *Empty Fruit Bunch* (EFB) oleh pihak TDMP.

Bagi merealisasikan perjanjian yang dimeterai, beberapa sesi perbincangan dan lawatan telah dibuat. Ini termasuk, sesi perbincangan bagi penyelaras aktifiti kerjasama kedua-dua pihak yang telah diadakan pada 19 Ogos di Bilik Mesyuarat AGROPOLIS, Kampus Besut.

Sesi perbincangan ini diketuai oleh Ketua Pusat Komuniti, UniSZA Dairy Goat Farm (UDGH), Prof. Madya Dr. Hasbullah Muhamad serta Timbalan Pengarah AGROPOLIS, Dr. Nor Hasima Mahmod dan beberapa ahli pengurusan institut. Turut menghadiri perbincangan ini ialah Pengarah Pusat Pengurusan Ladang (PPL), Dr. Abdul Jamil Zakaria serta dua orang pensyarah daripada Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM).

Persetujuan dibuat terhadap penanaman pokok kelapa (*Cocos nucifera*) serta pokok mangga Chokanan (*Mangifera indica Linn.*) di tanah BRIS di sekitar Kampus Besut menggunakan kompos EFB yang dihasilkan oleh pihak TDMP. Kedua-dua tanaman ini telah dikenal pasti sebagai tanaman yang mampu hidup dengan penjagaan minimum dan menjadi model tanaman komoditi untuk tanah jenis ini.



dikenal pasti dalam Dasar Pertanian Negara ke-3 untuk dibangunkan sebagai tanaman eksport.

Pihak institut dan TDMP berharap kerjasama strategik ini bukan sahaja dapat memanfaatkan kedua-dua pihak, bahkan ia memberi manfaat kepada pelajar sebagai ladang contoh, tapak pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta penjanaan hasil. Malahan, ia juga akan menarik minat petani untuk mengusahakan tanah pertanian jenis BRIS yang terbiasa menggunakan model yang dibangunkan melalui usaha sama ini.

Komoditi kelapa merupakan salah satu hasil pertanian yang sangat penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Kadar per kapita penggunaan kelapa adalah sekitar 22 biji seorang selama setahun. Permintaan kelapa tua pada tahun 2020 dijangka sebanyak 0.7 billion biji setahun. Sehingga kini, Malaysia masih mengimpor sekitar 150 juta biji kelapa tua setahun. Mangga Chokanan pula adalah antara 15 jenis buah-buahan yang



# FESP Youth Volunteer Program

## Bersama Komuniti Sabah

*FESP Youth Volunteer Program* merupakan program anjuran bersama Persatuan Mahasiswa Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan (FESP) dengan kerjasama Pengurusan FESP dan pejabat Timbalan Naib Canselor dan Hal Ehwal Pelajar Alumni (HEPA). Program yang diadakan pada 5-10 Julai ini diisi dengan aktiviti gotong-royong, sesi ramah mesra, riadah dan pengagihan sumbangan kepada komuniti di kampung Mesilou, Kundasang, Sabah. Program ini turut mendapat kerjasama daripada mahasiswa Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Antara objektif utama program ini diharapkan mampu mencapai objektif yang telah dirangka iaitu membentuk identiti mahasiswa ke arah pemikiran yang kreatif, berwawasan, proaktif di samping berkeupayaan meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa seperti kemahiran kepimpinan, komunikasi dan penyelesaian masalah.

Pengurusan fakulti yang turut menyokong program ini telah mengambil peluang untuk mengadakan sesi perbincangan dengan pengurusan FPEP, UMS kerana fakulti ini didapati setara dengan FESP, UniSZA. Isu yang dibincangkan, berkaitan dengan hal ehwal akademik dan hubungan dua hala antara fakulti khasnya dan universiti amnya telah diadakan pada 6 Julai di bilik mesyuarat FPEP, UMS. Pihak pengurusan FESP yang terlibat ialah Timbalan Dekan (Akademik dan Siswazah), Dr. Mazuri Abd. Ghani dan Timbalan Dekan (HEPA), Dr. Mohd Sadad Mahmud, manakala di pihak pengurusan FPEP terdiri daripada Dekan, Prof. Madya Dr. Raman Noordin, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Siswazah), Dr. Arif@Kamisan Pusiran, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Dr. Rini Suryati Sulong dan Timbalan Dekan Akademik, Dr. Junainah Jaidi.

Menerusi perbincangan tersebut, program mobiliti berkredit untuk satu semester yang melibatkan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam) dengan Kepujian akan diadakan. Program ini mengambil kira pengalaman yang telah diadakan dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) pada semester dua sesi akademik 2017/18. Perbincangan turut menyentuh tentang anjuran bersama program *International Academic Conference on Business and Economics (IACBE)* yang akan diadakan pada tahun 2019. Artikel yang diterbitkan akan dihantar ke Jurnal FPEP iaitu *Journal of the Asian Academy of Applied Business (JAAAB)* dan *Malaysian Journal of Business and Economics (MJBE)*.

Bagi merealisasikan kesemua perancangan tersebut, satu majlis menandatangani dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan diadakan.





## FESZBIM 2.0 Meriahkan Minggu Fakulti FBIM



Persatuan Mahasiswa Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (PMFBIM) dengan kerjasama *Animal Livestock, Production and Health Association (ALPHA)*, *Food Science Students Association (FOSSAC)*, *Agricultural Biotechnology Student Integrated Society (AGRIBIOSIS)* dan Kelab Usahawan Siswazah Tani telah menganjurkan program FESZBIM 2.0 pada 22-29 September. Program yang diadakan bersempena Minggu Fakulti FBIM ini bertujuan untuk memberi peluang kepada mahasiswa mempelajari serta mempraktikkan ilmu perlادangan, pertanian, pemakanan dan keusahawanan. Pihak PMFBIM turut menjemput mahasiswa dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Machang dan Kuala Terengganu, Institut Pendidikan Guru (IPG), pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM) Besut, Kolej Vokasional Besut, SMK Tembila, SMK Tengku Mahmud, SMK Kuala Besut serta komuniti di sekitar Besut Tembila dan Kampung Raja bagi memeriahkan lagi program ini. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program seperti ‘Save the Strays 1.0’, pertandingan memancing, memasak, rumah hantu dan ‘Zombie run’. Terdapat juga gerai-gerai jualan dari peniaga luar dan pelajar UniSZA berserta pameran dari pelbagai agensi luar.

Selain bertujuan mempromosikan UniSZA kepada masyarakat setempat, penganjuran FESZBIM 2.0 dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan berjaya menerapkan unsur keusahawanan dalam kalangan pelajar. Program ini juga dapat melahirkan mahasiswa yang bersifat kepimpinan, cekap dalam menguruskan majlis serta bijak berkomunikasi dan berinteraksi dengan komuniti.

## UniSZA Menangi Revbiz Challenge

Seramai sepuluh orang mahasiswa UniSZA memenangi tempat pertama dan kedua dalam pertandingan RevBiz Challenge hasil komitmen daripada Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar.

Pusat Keusahawanan Universiti Sains Malaysia (EpiC@USM) telah menganjurkan Entrepreneurship Carnival (EPIC) 2018 pada 28-30 September. EPIC 2018 merupakan acara kemuncak bagi aktiviti dan program keusahawanan mahasiswa USM sepanjang tahun 2018 dan ia akan dijadikan sebagai flagship program tahunan universiti ini.

Sehubungan itu, pelbagai aktiviti telah dirancang sepanjang berlangsungnya EPIC 2018 antaranya ialah Program Siswapreneur Revolution Challenge. Ia merupakan sebuah program berbentuk pertandingan yang bertujuan untuk melatih dan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan peluang mencubri bidang keusahawanan dalam aspek teknologi yang berteraskan Industri 4.0. Pengisian program ini terdiri daripada empat pertandingan yang berbeza iaitu RevBiz Challenge, RevBiz Pitching Challenge, Seminar Online Business Hub dan eSport-FIFA Challenge.

Program ini dilihat sebagai satu medium yang amat baik dalam memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali bidang keusahawanan dan menjadikan mereka sentiasa berfikiran positif serta berdaya saing dalam perniagaan. Program ini menyediakan platform untuk pelajar mempraktikkan ilmu keusahawanan dan mengalakkan mereka menjana idea perniagaan yang menjurus ke arah Revolusi 4.0. Sambutan yang diterima daripada pelajar amat menggalakkan dan reaksi yang diberikan adalah amat positif. Justeru, program ini dapat mencipta jaringan usahawan pelajar dari institusi pengajian tinggi seluruh negara.



# 18 PASANGAN PENGANTIN SERTAI PERKAHWINAN PERDANA SEMPENA CBS ASLI 3.0

Sebagai memenuhi keperluan Pelan Tindakan Akademik UniSZA 2018, Ekspedisi Cakna Bersih dan Sihat Masyarakat Orang Asli Pantai Timur 2018 (CBS Asli 3.0) diteruskan untuk tahun ketiga. Program ini merupakan program sukarelawan komuniti tahunan dengan tujuan membantu masyarakat orang asli meningkatkan kualiti hidup sama ada dalam aspek pendidikan, kesihatan, kerohanian, keusahawanan dan taraf sosio ekonomi secara keseluruhan.

Program anjuran bersama antara Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) merupakan program kerjasama dengan pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG), Fakulti Perubatan (FP), Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Pusat Kesenian dan Warisan, Pusat Kesihatan Pelajar, Perpustakaan, Pusat Teknologi Maklumat, Pejabat Pendaftar dan Pejabat Pengarah Kampus Tembila.

Ekspedisi ini disertai 110 pelajar yang mengikuti kursus teras CDA 30103 – Etnografi Peribumi di Malaysia daripada program Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) FSSG, lima pelajar FSK dan lima daripada FP. Program yang diadakan pada 20 - 22 September diadakan di tiga buah perkampungan orang asli iaitu di Sungai Berua, Hulu Terengganu, Pos Hendrop dan Pos Lebir, Gua Musang Kelantan. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif.

Pada hari pertama program yang bertempat di Sungai Berua, satu perarakan sempena sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia telah diadakan. Perarakan ini disertai oleh Dato' Naib Canselor, Pendaftar UniSZA, Encik Ismail Ahmad, Pengarah JAKOA negeri Kelantan/Terengganu, pelajar dan penduduk kampung. Turut diadakan ialah ceramah Apresiasi Kemerdekaan yang disampaikan oleh Timbalan Pendaftar UniSZA, Encik Ahmad Termizi Abdul Aziz. Sementara itu pada hari kedua di Pos Hendrop diadakan perarakan Maal Hijrah yang disertai oleh semua pelajar dan penduduk kampung. Majlis berzanji dan berselawat turut diadakan.

Pada hari terakhir CBS Asli 3.0 pula telah berlangsung majlis perkahwinan perdana masyarakat orang asli di Pos Lebir. Sebanyak 18 pasangan pengantin dari Pos Lebir dan Pos Aring Lima telah dinikahkan pada majlis tersebut. Majlis akad nikah itu telah dikendalikan oleh jurukahar daripada MAIK, JAKIM dan Jabatan Hal Ehwal Agama negeri Kelantan dibantu oleh kakitangan dan pelajar UniSZA. Sempena majlis itu, Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa (TNCAA), Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad telah menyampaikan cenderahati daripada pihak UniSZA kepada setiap pasangan pengantin.

Antara aktiviti yang dijalankan secara serentak pada program tersebut adalah kempen penjagaan alam sekitar dan gotong royong membersihkan kawasan kampung, kempen kesedaran pendidikan dan keusahawanan, kempen kelestarian kesenian, kempen integrasi dan keharmonian sosial serta kempen pengukuhan kerohanian. Perpustakaan UniSZA mengendalikan aktiviti pendidikan budaya membaca di kalangan masyarakat orang asli. Aktiviti ini diadakan untuk melihat penguasaan literasi dalam kalangan murid-murid orang asli di samping mengenal pasti tahap pendidikan mereka. Melalui kempen kesedaran pembacaan ini didapati masyarakat orang asli di Pos Lebir dan Pos Sungai Berua masih memiliki kefahaman pembacaan yang rendah berbanding di Pos Hendrop.

Pusat Pengajian Pemakanan dan Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan bersama Pusat Pengajian Sains Kejururawatan, Fakulti Perubatan turut menyelaras aktiviti pemeriksaan kesihatan, aktiviti penyaringan status pemakanan serta aktiviti pendidikan pemakanan sihat. Perasmian penutup telah disempurnakan oleh wakil Timbalan Yang Dipertua MAIK yang turut dihadiri oleh TNCAA UniSZA dan Pengarah JAKOA negeri Kelantan dan Terengganu, Encik Hashim Alang Abdullah.





## Kakitangan Bukan Akademik FESP Timba Ilmu Kerja di USM

Lawatan kerja sambil belajar kakitangan bukan akademik Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan (FESP) merupakan sebuah program yang diadakan di luar Terengganu bagi memberi pendedahan kepada mereka tentang gaya pengurusan dan etika kerja di universiti awam yang lain. Lawatan kerja sambil belajar ini diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang iaitu universiti yang berintensifkan penyelidikan. Lawatan kerja sambil belajar telah dapat diadakan pada 27 Julai bertempat di Pusat Pengajian Pengurusan, USM, Pulau Pinang.



Seramai 12 orang kakitangan bukan akademik FESP terlibat dengan lawatan kerja sambil belajar ke Pusat Pengajian Pengurusan, USM. Tujuan utama lawatan kerja ini adalah bagi memberi pendedahan, pengalaman dan perkongsian ilmu kerja yang ditadbir urus antara FESP, UniSZA dan Pusat Pengajian Pengurusan, USM. Selain itu, ia dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kakitangan bukan akademik FESP dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab masing-masing. Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Penolong Pendaftar, Puan Zali Zaiton Hussin bertempat di Bilik Mesyuarat, Pusat Pengajian Pengurusan, USM. Peserta telah dibawa melawat ke pejabat pentadbiran utama, bilik siswazah, makmal komputer, bilik mesyuarat Senat, bilik kebal dan bilik penyediaan kertas soalan peperiksaan dan ke Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah.

Hasil lawatan kerjatersebut dapat memberi nilai tambah yang baik kepada semua peserta untuk mengemaskinikan lagi sistem pentadbiran di FESP seperti sistem fail dan rekod mengikut fungsi jabatan masing-masing. Kakitangan pelaksana juga dipertanggungjawabkan mengikut jabatan mereka bertugas dan kemudahan bilik siswazah dan bilik penyelidikan yang teratur dan lengkap.

## Hospital Kuala Krai *Berkongsi Ilmu dengan Hospital Pengajar UniSZA*

Pusat Pembangunan Hospital Universiti, UniSZA, Kampus Gong Badak telah mengadakan satu lawatan penanda aras ke Hospital Kuala Krai pada 22 Julai. Lawatan ini disertai seramai 15 orang staf UniSZA melibatkan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Dekan Fakulti Perubatan, Pegawai Kanan Pejabat Pendaftar dan beberapa orang Ahli Jawatkuasa Induk Hospital Pengajar UniSZA. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mendapatkan informasi berkaitan pengurusan perkhidmatan klinikal dan bukan klinikal serta mengadakan sesi dialog berkaitan pembinaan hospital.

Diketuai oleh Pendaftar UniSZA, Encik Ismail Ahmad, delegasi UniSZA telah diberi penerangan ringkas mengenai pengurusan perkhidmatan klinikal dan bukan klinikal di Hospital tersebut. Semasa lawatan tersebut, Pengarah Hospital Kuala Krai, Datuk Dr. Mohd Salleh Mat Jusoh telah berkongsi pengalaman beliau mendepani isu, cabaran dan solusi dalam pembinaan hospital di era kini. Selain itu beliau turut juga berkongsi pengalaman mengenai pengurusan pembelian peralatan hospital serta keperluan perjawatan sebagai panduan bagi pengurusan Hospital Pengajar UniSZA kelak. Hasil daripada penerangan dan sesi dialog tersebut, ia akan dijadikan rujukan bagi pembinaan Hospital Pengajar UniSZA yang sedang dalam pembinaan dan dijangka beroperasi pada Mei 2020. Lawatan ini banyak memberi input yang bermanfaat dalam menguruskan hospital dari segi pembangunan serta pengurusan perkhidmatan klinikal dan bukan klinikal.





## Kampus Perubatan

### *Memberi Khidmat Nasihat untuk Produk Inovasi Sekolah Imtiaz*

Pada 8 Ogos yang lalu, seramai sepuluh orang pelajar Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Berang telah mendapatkan khidmat nasihat dari Kampus Perubatan, UniSZA bagi produk inovasi yang dihasilkan oleh mereka. Khidmat nasihat produk inovasi tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Sains dari Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Encik Roslan Arshad. Selain itu, mereka turut diberikan keistimewaan untuk menggunakan kemudahan di Makmal Analisis Kimia Makanan.

Para pelajar tersebut telah mencipta dua produk inovasi iaitu *Paper Cutter* dan *Multipurpose Remover*. *Paper Cutter* dicipta oleh pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Berang yang menggunakan daun lidah buaya (*aloe vera*) sebagai bahan semula jadi yang menggantikan dakwat pen untuk memotong kertas. Tujuan *Paper Cutter* ini adalah untuk mengelakkan bahaya kepada kanak-kanak semasa menggunakan alatan tajam seperti gunting dan pisau.

Pelajar tingkatan empat pula, mencipta produk *Multipurpose Remover*. *Multipurpose Remover* ini dicipta dengan menggunakan bahan semula jadi seperti cuka, lemon dan limau nipis untuk menggantikan bahan kimia yang biasanya digunakan sebagai bahan penanggal (*remover*). Produk ini berasaskan bahan semula jadi supaya tidak membahayakan pengguna. Produk ini dicipta untuk memudahkan penanggalan dakwat pada permukaan seperti meja, dinding, tangan dan lain-lain.



## Karnival Citra Bahasa

### *Sekolah Kluster Kecemerlangan Peringkat Kebangsaan 2018*

Penganjuran karnival Citra Bahasa Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) Peringkat Kebangsaan 2018 bertujuan memotivasi SKK untuk memupuk semangat kerjasama dan berdikari serta meningkatkan motivasi dan keyakinan diri. Karnival ini diharapkan dapat melahirkan murid yang berdaya kreatif, kritis dan berketrampilan dalam berbahasa.

Pada 14 Julai, SK Gong Badak telah menganjurkan Karnival Citra Bahasa SKK Peringkat Kebangsaan 2018 dengan kerjasama UniSZA yang berlangsung di Dewan Al-Muktafi Billah Shah. Pihak UniSZA memberikan kemudahan penggunaan sembilan bilik kuliah dan Dewan Al-Muktafi Billah Shah di samping memberikan khidmat perundingan dalam melaksanakan program ini.

Karnival ini disertai oleh 150 orang murid dan 64 orang guru pengiring dari 19 buah SKK di seluruh Malaysia iaitu lima buah sekolah dari Terengganu, empat buah dari Pahang, tiga buah dari Negeri Sembilan dan masing-masing sebuah sekolah dari Selangor, Pulau Pinang, Kelantan, Melaka, Sabah, Johor dan Perak. Karnival ini melibatkan tujuh jenis acara yang berjalan serentak iaitu pertandingan syair, sajak, bercerita tahap I, dam ular bahasa, roda kata, susun kata, eja tepat dan bengkel penulisan kreatif yang menjemput penulis buku.

Keputusan pertandingan bagi semua acara mencatatkan kategori Bercerita Tahap Satu telah diungguli oleh SK Gong Badak Terengganu, Dam Ular Bahasa dimenangi oleh SK Seri Sabak Uni, Johor, Susun Kata dimenangi oleh SK Bandar Pusat, Pahang, Roda Kata dimenangi oleh SK Tengku Azizah Pahang, Eja Tepat dimenangi oleh SK Tapak Negeri Sembilan, Syair dimenangi oleh SK Kaluluan Sabah dan kategori Sajak dimenangi oleh SK Taman Seroja, Selangor.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif merasmikan majlis penutup dan menyampaikan hadiah kepada para peserta. Turut hadir ke karnival ini ialah Pengarah JPNT, Pegawai PPD Kuala Nerus, para Guru Besar Sekolah Kebangsaan Daerah Kuala Nerus, Pengarah dan pegawai-pegawai Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat UniSZA serta Pegawai Penyelaras Program Jalinan SKK-UA, En. Wan Ismail Wan Abdullah.

Antara impak positif karnival ini adalah dapat menguatkan penguasaan bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid dan menjalinkan hubungan silaturahim yang erat antara guru dan murid terlibat.





# Mendekati Kebudayaan Bangsa Asing di UniSZA Cultural Festival 2018

Pusat Pengajian Bahasa, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL) telah menawarkan kursus bahasa asing seperti bahasa Mandarin, Jepun, Thai dan Vietnam kepada pelajar ijazah sarjana muda dan diploma. Salah satu bentuk penilaian untuk kursus ini adalah melalui aktiviti pelajar yang melaksanakan program Cultural Festival.



Cultural Festival merupakan acara tahunan dan dijalankan sejak 2015. Namun pada tahun ini, pesta ini lebih meriah dengan penyertaan daripada Konsulat Kerajaan Jepun di Pulau Pinang.

Program anjuran Pusat Pengajian Bahasa dengan kerjasama Pusat Antarabangsa ini telah berlangsung pada 25 April di Dewan Al-Muktafi Billah Shah UniSZA Kampus Gong Badak. Pelbagai acara

seperti aktiviti kebudayaan, pakaian, kesenian dan makanan daripada China, Jepun, Thailand, Vietnam dan Syria dipertontonkan kepada pengunjung.

Dalam ucapan perasmianya, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad menyatakan bahawa program UniSZA Cultural Festival 2018 ini merupakan salah satu platform untuk para pelajar mengenali dengan lebih dekat keunikan budaya dari negara lain. "Bakti pelajar juga dapat kita cungkil melalui acara tarian, nyanyian, bermain alat muzik, lukisan dan kraftangan selain membentuk keyakinan diri untuk mempraktikkan bahasa yang mereka pelajari," ujarnya lagi.

Setiap kelas bahasa ini diberi wang tunai sebanyak RM500 sebagai persiapan mengurus program ini. Memandangkan sambutan yang baik diterima daripada pelajar dan orang awam, program ini akan diteruskan pada masa akan datang.





# UniSZA dan AIBIM Memeterai MoU



Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UniSZA dengan Persatuan Perbankan Islam dan Institusi Kewangan Malaysia (AIBIM) telah diadakan pada 18 September, bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Bangunan Pentadbiran, UniSZA Kampus Gong Badak. UniSZA yang diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif dan Dekan Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan (FESP), Prof. Madya Dr. Wan Norhayate Wan Daud telah menandatangani MoU dengan pihak AIBIM yang diwakili oleh Timbalan Presiden AIBIM, Encik Mohamed Rafe Haneef dan Pengarah Eksekutif AIBIM, Puan Suri Hanim Mohamed. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad dan pengurusan utama UniSZA juga turut serta dalam majlis menandatangani MoU tersebut.

Dalam ucapannya, Naib Canselor berkata, "selain usaha ke arah memartabatkan lagi perbankan Islam, inisiatif itu diambil bagi merealisasikan hasrat UniSZA untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehpasaran pelajar FESP". Menurut beliau lagi, "Kerjasama strategik itu melibatkan tiga skop utama iaitu penyelidikan, perkongsian dan aktiviti berdasarkan akademik antara kedua-dua belah pihak yang dipersetujui bersama". Sementara itu, Timbalan Presiden AIBIM berkata, "AIBIM merupakan organisasi bukan berdasarkan keuntungan yang menggalakkan sistem dan amalan perbankan Islam di negara ini dengan ahli-ahlinya turut menitikberatkan sumbangan kepada masyarakat melalui aktiviti kebajikan, sahsiah serta akademik". Selain majlis menandatangani MoU, turut diadakan program *Industrial Talk and Career Talk* kepada para pelajar dan pensyarah FESP.

Pada 19 September pula bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti, Bangunan Ummu Atiyyah, satu bengkel *Research Matching Session* telah diadakan yang melibatkan penyelidik FESP dan pihak AIBIM bagi membuat kajian berkaitan dengan perspektif bank seperti *Affordability in Islamic Perspective, Cost of Housing, Pricing, Rental and product structure*. Perkara ini selaras dengan implikasi daripada MoU yang ditandatangani sebelumnya berikut:

1. MoU ini dijangka dapat membentuk satu platform yang sangat penting untuk menggabung jalinan di antara akademik dan industri sebagaimana hasrat pendidikan negara ke arah program berbentuk 2u2i yang memerlukan penglibatan industri.
2. MoU ini akan dapat mencapai Pelan Tindakan Akademik 2018 di mana fakulti perlu mempunyai rakan industri sekurang-kurangnya tiga industri.
3. MoU ini juga dilihat sebagai platform untuk meningkatkan pengetahuan dan penglibatan pelajar dengan industri seterusnya dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan FESP.
4. MoU ini turut menyediakan jaringan aktiviti penyelidikan di antara para akademik dan industri seterusnya dapat meningkatkan *Key Performance Indicator* (KPI) fakulti iaitu dengan penerbitan bersama dengan industri.
5. Dapat membantu pihak fakulti dari masa ke semasa berkaitan penambahbaikan dan pembangunan program terutama kepada Pusat Pengajian Kewangan dan Perbankan dalam menempuh era kemajuan dan globalisasi masa kini.

Pihak UniSZA berharap agar MoU yang ditandatangani untuk tempoh tiga tahun dapat memberi manfaat bersama antara kedua-dua pihak terutamanya aktiviti berdasarkan akademik dan penyelidikan serta berharap agar jalinan kerjasama dapat menghasilkan graduan UniSZA yang terlatih serta diterima masuk dalam industri perbankan Islam di dalam maupun luar negara.



# Projek Komuniti

## Penternakan dan Pembibitan Baka Itik

Projek komuniti penternakan dan pembibitan baka itik merupakan salah satu usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) untuk memindahkan ilmu pengetahuan daripada Universiti Awam (UA) kepada pihak industri dan komuniti. Pihak KPT telah memperuntukkan dana khas kepada Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) untuk memastikan program dan perkhidmatan yang dilaksanakan dapat membantu kelestarian dan kesejahteraan masyarakat.

Penyelaras UCTC, Prof. Madya Dr. Hasbullah Muhammad di bawah dana geran Trans Pertanian Bersepadu (T0017) telah memilih dua orang peserta iaitu En. Roslan Aziz dan Juhari Salleh bagi menjalankan projek penternakan dan pembibitan baka itik di ladang peserta komuniti, Kampong Gong Batu, Kuala Setiu. Keluasan ladang ini adalah  $\frac{1}{4}$  ekar dan saiz binaan kandang adalah 35 X 55 kaki. Projek ini telah dijalankan sejak April lalu. Pihak UCTC telah memperuntukkan modal awal seperti kayu, atap zink, inkubator, dan beberapa papan tanda projek.

Peserta telah memilih itik jenis Serati kacuk (*Cairina muschota*), Khaki Campbell dan Muscovy. Pada peringkat permulaan, 20 ekor itik telah dibawa masuk, kemudian bertambah sehingga 45 ekor dalam satu masa. Itik-itik ini akan dijual mengikut permintaan. Sepanjang tempoh ini, peserta telah berjaya menjual sebanyak 108 ekor itik induk. Harga jualan bagi itik induk Serati kacuk betina ialah RM 12.00 perkilogram, Serati kacuk jantan RM45.00 seekor dan Khaki Campbell/Muscovy RM11.00 seekor.

Selain daripada induk itik, peserta juga menjual anak itik Khaki Campbell dengan harga antara RM2.90 hingga RM3.80 seekor mengikut usia. Peserta program ini telah menggunakan *incubator* yang dibekalkan bagi melancarkan produktiviti anak itik. Setakat ini, tiga pusingan penetasan telah berjaya. Kapasiti bagi setiap pusingan penetasan adalah sebanyak 1,580 biji dengan kadar tetesan sebanyak 83 peratus. Masa yang diambil bagi setiap pusingan adalah 25 hari. Jumlah anak itik yang telah dijual adalah sebanyak 3,792 ekor.

Pada pusingan keempat ini, peserta sedang memenuhi inkubator secara berperingkat bagi memenuhi tempahan sedia ada kira-kira 13,000 anak itik. Punca telur telah dibeli dengan penternak kawasan sekitar dengan harga RM0.45. Peserta juga membeli sepasang induk angsa dengan harga RM180.00 sepasang untuk mempelbagaikan produk. Anak angsa berusia empat hari kebiasaannya boleh dijual dengan harga RM80.00 seekor. Program ini diharapkan dapat memberi impak yang besar dan diperkembangkan untuk meningkatkan ekonomi komuniti dan negara.





# Program Keselamatan Makanan Bersama SMK Tengku Mahmud



Ramai pengguna beranggapan keracunan makanan berlaku disebabkan ia yang telah basi ataupun rosak. Pandangan ini adalah kurang tepat kerana kebanyakan kes keracunan makanan bukan disebabkan oleh makanan yang telah rosak ataupun basi.

Program Keselamatan Makanan anjuran Pusat Pengajian Industri Makanan (PPIM), Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) dengan SMK Tengku Mahmud bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan tentang bagaimana kes keracunan makanan berlaku. Program ini telah berjaya dilaksanakan pada 22 September di FBIM, UniSZA, Kampus Besut. Beberapa aktiviti telah diterapkan ke dalam program ini. Sesi pertama dimulakan dengan ceramah berkenaan bahaya yang terdapat di dalam makanan dari segi mikrobiologi, kimia dan fizikal. Menurut ceramah yang diberikan oleh Prof. Madya Dr. John Tang Yew Huat, keracunan makanan boleh berlaku walaupun makanan yang disediakan itu tidak menunjukkan tanda-tanda basi. Hal ini kerana patogen makanan tidak mengubah rasa, bau maupun rupa makanan untuk menyebabkan keracunan makanan.

Setelah ceramah berakhir, pelajar berpeluang untuk melawat makmal penghasilan minuman yang mengikut piawaian MeSTI serta makmal mikrobiologi dalam pengenalpastian patogen makanan. Pelajar sekolah didekah dengan proses penghasilan air minuman *Reverse Osmosis (RO)* di makmal air minuman. Selain itu, pelajar turut mengenali dengan lebih dekat patogen makanan yang menyebabkan keracunan makanan dengan menggunakan mikroskop.





# UniSZA Inspires Young Scientists

World Water Monitoring Day (WWMD) is celebrated on the 18th of September each year. The celebration aims to raise public awareness of water pollution issues, to mobilise efforts in order to test the quality of water resources as well as to protect water resources for the betterment of the future. In conjunction with the event, the East Coast Environmental Research Institute (ESERI) celebrated WWMD 2018 through a Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) module known as Young Scientist Environment (YES) programme.

WWMD 2018 was celebrated at the UniSZA Lake, Gong Badak Campus. Ten secondary schools were invited to participate in the programme. The invited schools were SBPI Batu Rakit, SMK Batu Rakit, SM Teknik Terengganu, SMK Bukit Tunggal, SMK Ibrahim Fikri, SMK Kompleks Gong Badak, SMK Kompleks Mengabang Telipot, SMK Kompleks Seberang Takir, SMKA Dato'Haji Abbas and SM Sains Sultan Mahmud.

This programme was launched by UniSZA Vice Chancellor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif and the welcoming speech was given by Associate Prof. Dr. Hafizan Juahir, Director of ESERI. The Vice Chancellor inspired students to be a scientist or science related specialist in order to contribute to the society and the country as well as to master knowledge to face the future challenges. The programme started with a science lecture by an invited speaker, Associate Prof. Dr. Kamarul 'Ain Mustafa from the Faculty of Bioresources and Food Industry.

Next, the participants were introduced to the YES module by the ESERI Deputy Director, Dr. Mohd Khairul Amri Kamarudin. The YES module is comprised of several checkpoints equipped with mobile scientific equipment. At each checkpoint, the participants were given a briefing and demonstration of the equipment as well as gained practice in collecting environmental science data. During the WWMD 2018, participants were given an opportunity to collect water and air quality data at the UniSZA Lake and were taught about the water and air pollution status of UniSZA Lake surroundings.

The closing session was delivered by Dr. Mohd Khairul Amri Kamaruddin. This programme is expected to provide information to the participants about the basic methods to monitor and build awareness to protect local water resources for the benefit of future generations.





# UniSZA Social Innovation Lab

Projek *UniSZA Social Innovation Lab* yang dimulakan sejak Februari di ladang Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) bertujuan membantu suri rumah dari keluarga nelayan dan petani di Besut untuk meningkatkan sumber pendapatan isi rumah serta mempunyai ilmu pengurusan kewangan peribadi.

Program ini dilaksanakan melalui pakej kerjasama UCTC sebagai penyalur pembiayaan, manakala Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan(FAMA) dan Green World Genetics Sdn Bhd (GWG) sebagai mentor, pensyarah dan pelajar UniSZA sebagai pembimbing serta penduduk kampung sebagai bakal usahawan tanaman.

Projek ini menggunakan pakai konsep *sustainable approach* yang menggabungkan latihan pengurusan kewangan peribadi (*knowledge-based*) dan projek pertanian (*entrepreneurship-based*). Segala bentuk latihan teori dan praktikal diberikan kepada peserta berdasarkan keperluan dan kepakaran yang ada di UniSZA.

Sebagai permulaan projek ini, Melon Manis Terengganu (MMT) dan kacang panjang telah diusahakan. Bagi MMT, masih diperingkat penyediaan tapak semai dan dijangka bermula pada awal November. Hasil MMT akan dijual pada harga RM4.00-RM6.00 sekilo mengikut gred. Permintaan MMT tinggi kerana rasanya yang unik, kombinasi tekstur yang rangup digabungkan dengan rasa manis dan berlemak serta lebih enak.

Bagi projek tanaman kacang panjang pula, pihak UniSZA telah menjalankan kerjasama dengan syarikat GWG untuk tujuan penghasilan benih. Setakat ini, usaha penanaman kacang panjang telah dimulakan seluas tiga ekar. Anak pokok kacang panjang telah mula dipindahkan ke atas batas pada September. Hasilnya boleh dituai selepas enam minggu.

Hasil kacang boleh dituai setiap tiga hari sekali dan berlanjutan sehingga sebulan. Kacang panjang yang matang dan agak kering telah dituai untuk dijadikan benih. Benih tersebut kemudian dijemur hingga kering di bawah sinar matahari, dikupas dan dijemur lagi. Setelah melalui proses tersebut, biji kacang panjang akan diuji dengan ujian percambahan. Ciri-ciri benih yang baik adalah seperti berikut:

1. Biji memiliki bentuk yang lebih besar atau sekitar 80 peratus daripada biji kacang asal. Biji seperti ini memiliki daya tumbuh yang tinggi.
2. Biji yang akan dijadikan benih tidak tercampur biji-biji lain yang berasal dari varieti tidak jelas.
3. Umur benih harus cukup tua.
4. Benih harus bebas atau tahan dari penyakit dan memiliki daya produksi yang tinggi.

GWG telah menawarkan jaminan pembelian semula (*buy back guarantee*) benih kacang panjang yang dihasilkan oleh peserta projek ini. Melalui projek ini, UniSZA berpotensi menjadi hub pantai timur untuk menubuhkan pusat pembiakan sektor pertanian di pantai timur khususnya. Secara tidak langsung, ia akan membantu meningkatkan ekonomi penduduk tempatan.





## 450 sertai Asia Summer di Korea Selatan

Program Asia Summer ini adalah program tahunan yang diadakan di universiti-universiti sekitar Asia. Universiti Dongseo, Busan, Korea Selatan telah dipilih sebagai tuan rumah bagi program tersebut pada tahun ini.

Pusat Antarabangsa UniSZA (*International Central*) memainkan peranan utama sebagai sekretariat dalam mudah cara para peserta untuk menyertai mana-mana program mobiliti di luar atau dalam kampus (*Inbound/outbound*).

Sepuluh pelajar daripada beberapa fakulti telah dipilih mewakili UniSZA untuk menyertai program *Asia Summer* pada tahun ini. Program yang bermula 7-27 Julai ini melibatkan 450 peserta dari 43 buah negara.

Pengisian waktu kuliah serta aktiviti yang padat sepanjang tiga minggu telah memberikan peserta lebih pendedahan untuk menjadi pemimpin yang lebih peka terhadap topik dan sub budaya di Benua Asia.

Penyertaan ini secara tidak langsung, memberi peluang kepada pelajar untuk meluaskan kerjasama sesama mereka sekali gus dapat mempromosi UniSZA kepada peserta lain.

Penganjuran program mobiliti seumpama ini mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan daripada pelajar. Pada masa hadapan, diharapkan penyertaan seumpama ini dapat dibuka kepada lebih ramai pelajar supaya dapat melahirkan pelajar yang lebih berdaya saing.



## Dua Pelajar UniSZA

### *Kenali Budaya Cina di Beijing*

Institut Kong Zi, Universiti Malaya (KZIUM) merupakan sebuah agensi yang melaksanakan program antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan China dalam memperkenalkan bahasa Mandarin dan kebudayaan Cina dari Tanah Besar China.

Melalui memorandum persefahaman antara UniSZA dengan KZIUM, pihak UniSZA telah menghantar seorang pelajar dari Program Ijazah Sarjana Muda (Dakwah) dengan Kepujian, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam dan seorang lagi dari program Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian dengan Kepujian, Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi untuk menyertai kem musim panas 2018 di *Beijing Foreign Studies University* (BFSU) Beijing, China.

Pemilihan kedua-dua pelajar ini adalah berdasarkan kemahiran komunikasi yang mereka tunjukkan semasa mengikuti kelas Bahasa Mandarin di UniSZA. Program ini disertai oleh 18 pelajar daripada pelbagai universiti awam. Program selama 16 hari bermula 4-19 Ogos telah dirasmikan oleh Pengarah BFSU dengan mengalu-alukan kehadiran para pelajar ke China bagi mengenali budaya masyarakat Cina.

Mereka mempelajari adat resam dan budaya yang unik serta diperkenalkan dengan negara China sebagai sebuah negara yang besar dan maju. Penyertaan kali pertama UniSZA ini adalah untuk memperkenalkan pelajar UniSZA kepada masyarakat antarabangsa sekali gus mengangkat nama UniSZA sebagai universiti awam tersohor di Malaysia.

Program ini juga melatih pelajar untuk lebih maju dan berdaya saing dengan pelajar yang datang dari pelbagai latar belakang akademik dan keluarga. Ia juga adalah untuk melahirkan sikap prihatin terhadap budaya menuntut ilmu dan pertukaran budaya ke arah pembinaan mahasiswa yang holistik. Selain itu, program ini bertujuan memupuk keberanian pelajar bagi memartabatkan bakti siswa sebagai teras kesejahteraan komuniti.

Program ini telah memberi impak yang amat besar kepada pelajar. Pelajar didedahkan dengan kehidupan sebenar komuniti masyarakat Cina di China yang mempunyai pelbagai budaya yang berbeza dengan masyarakat Cina di Malaysia. Selain itu, program ini telah membuka minda pelajar untuk berusaha ke arah pencapaian akademik yang lebih cemerlang dengan melihat kegigihan dan sikap tidak membuang masa yang diamalkan oleh masyarakat di China.





# FKI Menerima Kunjungan dari UMSIDA, Indonesia

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), telah menerima kunjungan daripada delegasi Universitas Muhammadiyah Sidoarjo Surabaya (UMSIDA), Indonesia pada 3 Mei yang lalu. Delegasi tersebut diketuai oleh Ketua Jabatan Hubungan Antarabangsa UMSIDA, Bapak Wahyu Taufik, Dekan Fakultas Pendidikan, Dr. Nur Efendi dan Dekan Fakultas Ekonomi, Dr. Sigit Hermawan.



Lawatan ini merupakan lawatan kunjungan balas daripada UMSIDA bagi menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan pihak UniSZA. Perbincangan antara kedua-dua pihak telah berlangsung di bilik mesyuarat FKI bagi membincangkan pelaksanaan Memorandum Perjanjian (MoA) antara FKI dengan UMSIDA yang akan menekankan kerjasama dalam aspek penyelidikan, persidangan, program mobiliti pelajar dan lain-lain lagi. Pertemuan antara kedua-dua pihak telah mencetuskan banyak idea baharu seperti pelaksanaan mobiliti pelajar yang akan dikaji dengan lebih lanjut lagi. Pada hari tersebut juga, delegasi dibawa melawat perpustakaan dan beberapa tempat menarik di Terengganu seperti Taman Tamadun Islam dan Pasar Kedai Payang.





# Jalinan Kerjasama dengan Universiti Islam Negeri Sunan Ampel dalam Penyelidikan dan Penerbitan



Delegasi UniSZA yang terdiri daripada beberapa orang pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah berangkat ke Universiti Islam Negeri Sunan Ampel (UINSA), Surabaya pada 12-13 April untuk menghadiri Bengkel Penyelidikan dan Penerbitan Bersama. Pihak UINSA telah mengambil peluang ini untuk melebarluaskan kolaborasi antara kedua-dua universiti ini dengan mengadakan satu Kolokium Siswazah peringkat antarabangsa. Seramai 15 orang pelajar siswazah FKI dan 15 orang pelajar UINSA membentangkan dapatan kajian tesis masing-masing dalam kolokium ini.

UINSA menjemput pensyarah dari FKI, Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh, untuk menyampaikan ucaptama dalam kolokium tersebut. Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh telah membentangkan satu tajuk yang sangat menarik iaitu ‘Mengangkasa Usul al Tarbiyah al Islamiyah dalam Atmosfera Education 4.0’. Ucapan tersebut telah mendapat liputan meluas daripada media Indonesia.

Bengkel yang dilaksanakan ini telah memperkuatkan jaringan antara kedua-dua universiti khususnya dalam aspek penyelidikan dan penerbitan serta pengajaran dan pembelajaran.





# Mahabbah IKIMfm @ UniSZA 2018

## Untukmu Al Aqsa dan Rohingya

Penderitaan dan isu Al Aqsa dan Rohingya bukan isu bermusim yang hanya perlu diberi perhatian apabila penduduknya diserang. Ia juga bukan isu yang ekslusif untuk masyarakat beragama Islam sahaja tetapi merupakan isu kemanusiaan yang perlu diangkat ke mata dunia agar lahirnya kesedaran dalam diri setiap manusia yang masih punya rasa ihsan dan perikemanusiaan.

Sehubungan dengan itu, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan Mahabbah IKIMfm @ UniSZA 2018: Untukmu Al Aqsa dan Rohingya pada 29-31 Mac 2018 bertempat di Perkarangan Masjid UniSZA Kampus Gong Badak. Program selama tiga hari ini adalah anjuran UniSZA yang berkolaborasi dengan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kerajaan Negeri Terengganu dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Terengganu selaku rakan kerjasama. Program ini telah dirasmikan oleh mantan Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd Rahman. UniSZA juga turut dibantu oleh agensi kerajaan, NGO dan persatuan seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Majlis Dakwah Negara (MDN), Yayasan Himmah, UniSZA Society for Humanity (HUMANE UniSZA) dan Kelab Sahabat Yawasan Himmah UniSZA.

Program berbentuk karnival ini diadakan untuk memberi pendedahan yang mendalam kepada pelajar UniSZA dan masyarakat sekitar universiti tentang pentingnya hidup dalam suasana harmoni dan kecaknaan mereka terhadap isu yang menimpa saudara seagama di Palestin dan Rohingya sekarang ini. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk menyedarkan komuniti terhadap kepentingan dalam menyokong kebebasan hidup tanpa pergalakan disamping melahirkan sikap keperihatinan dan kecaknaan dalam komuniti setempat terhadap isu yang melibatkan keamanan dan dapat menggerakkan hati masyarakat untuk membantu saudara islam.

Antara aktiviti yang dianjurkan sepanjang karnival tersebut berlangsung ialah Live Konti IKIM, Ihtifal Kesenian Islam KEMAS Terengganu, Persembahan Kebudayaan Islam, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, *Intellectual Discourse Series on Islamic Civilization* (IDSIC), dan *1 Question About Islam*. Selain daripada itu, pesta jualan, pasar tani dan food truck turut diadakan sepanjang karnival tersebut. Program ini turut berjaya melancarkan Tabung Bantuan Kemanusiaan UniSZA yang telah dirasmikan oleh Mantan Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd Rahman. Beliau juga telah melancarkan Kelab HUMANE UniSZA semasa Majlis Pelancaran Mahabbah IKIMfm @ UniSZA 2018 dengan pelepasan 10 ekor burung merpati. Hampir seratus ribu lebih diperolehi hasil daripada kutipan derma orang ramai melalui masjid seluruh negeri Terengganu, sumbangan daripada syarikat-syarikat GLC dan swasta serta sumbangan peribadi daripada orang awam. Dana ini akan disalurkan kepada masyarakat Palestin dan pelarian Rohingya melalui UniSZA Society for Humanity (HUMANE UniSZA).

Sambutan yang diterima daripada peserta amat menggalakkan dan reaksi yang diterima daripada peserta adalah positif. Secara tidak langsung, ia berjaya melonjakkan imej UniSZA dipersada kebangsaan dan antarabangsa yang berperanan sebagai peneraju dan pusat komuniti dalam menangani isu-isu kemanusiaan. Majlis Perasmian Penutupan Mahabbah IKIMfm @ UniSZA 2018 : Untukmu Al Aqsa dan Rohingya telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin A. Latif dengan kehadiran 100 orang tetamu jemputan bertempat di Masjid UniSZA Kampus Gong Badak. Atas sambutan yang memberangsangkan ini, INSPIRE komited untuk menganjurkan lagi program seumpama ini pada masa akan datang.



## Perkongsian ‘Misi Bantuan Kemanusiaan Ramadhan’



Bantuan kemanusiaan masih amat diperlukan rakyat di negara bergolak untuk membina semula kehidupan berikutan kemusnahan, kehilangan nyawa dan harta benda akibat perang. Atas nama naluri kemanusiaan sejagat, serangan ke atas penduduk awam bukan sahaja mengundang simpati tetapi juga menggerakkan pelbagai bantuan kemanusiaan dilakukan segera bagi membantu seluruh mangsa perang. Masyarakat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama tidak ketinggalan untuk tampil menzahirkan sokongan terhadap usaha kerajaan Malaysia dan pertubuhan bukan kerajaan menghulurkan bantuan meringankan penderitaan akibat serangan demi serangan kejam terhadap penduduk awam terutamanya semasa bulan Ramadhan.

Berdasarkan senario semasa ini dan bagi meningkatkan pendedahan kepada warga universiti, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin dengan kerjasama UniSZA Society for Humanity (HUMANE) dan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) Cawangan Kelantan telah mengadakan program Perkongsian ‘Misi Bantuan Kemanusiaan Ramadhan’ pada 21 Mei 2018. Program tersebut berlangsung di Dewan Auditorium, Blok Bangunan Akademik UniSZA, Kampus Gong Badak telah dihadiri oleh 100 kakitangan akademik dan bukan akademik serta pelajar UniSZA.

Program yang berlangsung selama tiga jam tersebut telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah bin Ahmad selaku Pengerusi HUMANE. Seterusnya, program diteruskan dengan perkongsian berhubung ‘Misi Bantuan Kemanusiaan Ramadhan’ oleh Pengerusi MAPIM Kelantan, Tuan Haji Johan Ariff bin Ismail sebagai penceramah jemputan. Penceramah telah berkongsi pengalaman beliau bersama pasukan sukarelawan misi bantuan kemanusiaan berhubung aktiviti-aktiviti kemanusiaan yang telah dan akan dilaksanakan di beberapa buah negara yang melibatkan umat Islam iaitu Palestin, Syria dan Myammar. Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam misi menyelamatkan rakyat Rohingya daripada penafian hak dan ditindas oleh rejim Myanmar ialah membina dan membaik pulih masjid di dalam kem pelarian, membina institusi pendidikan dalam pelbagai bidang seperti bidang Al-Quran dan Hadis serta pelajaran asas iaitu membaca, menulis dan mengira (3M). Pasukan sukarelawan turut membina rumah perlindungan yang diperbuat daripada buluh dan tandas. Selain dari itu, pasukan sukarelawan bersama penduduk tempatan turut membina lebih daripada 200 telaga tiub bagi mendapatkan bekalan air bersih untuk kegunaan harian. Pembinaan dewan serbaguna turut dilakukan untuk pelbagai kegunaan pelarian seperti penginapan transit, pusat edaran sumbangan dan pemeriksaan kesihatan.

Antara aktiviti lain yang turut dikongsi oleh penceramah ialah wang terkumpul hasil daripada sumbangan orang ramai, badan organisasi bukan kerajaan (NGO) dan jabatan kerajaan melalui ceramah dan jualan amal anjuran MAPIM digunakan untuk membeli lembu dan kambing bagi tujuan ibadah korban sempena Aidil Adha yang saban tahun diadakan untuk diagihkan kepada semua penduduk. Wang sumbangan turut digunakan untuk penyediaan pek makanan, bekalan makanan asas serta bekalan perubatan kepada setiap keluarga. Tuan Haji Johan Ariff bin Ismail semasa perkongsian bersama para tetamu turut memaparkan video-video yang mengisahkan kehidupan sebenar rakyat di negara Aqsa. MAPIM berkolaborasi bersama Kerajaan Palestin, Turki, Jabatan Awqaf Masjid Al-Aqsa serta Ummet Vakfi mencadangkan penubuhan Projek Wakaf dan Infaq Aqsa bertujuan bagi pengumpulan dana daripada muslimin dan muslimat serta seluruh masjid di dunia agar turut membiayai penyelenggaraan Masjid Al-Aqsa.

Segala dana yang diterima akan digunakan bagi tujuan pemulihan dan pemuliharaan Masjid Al-Aqsa yang telah dirosakkan oleh tentera Israel. Dana juga akan digunakan bagi pengukuhan Masjid Al-Aqsa dengan pembinaan perpustakaan, pusat penyelidikan, galeri, pusat wakaf, markaz untuk belia dan wanita serta pusat penerbitan. Selain daripada itu, agihan dana turut disalurkan kepada orang awam melalui khidmat kesihatan dengan membina hospital dan membekal ubat-ubatan kepada pesakit. Dana turut digunakan untuk membiayai peralatan, bahan dan petugas untuk kerja-kerja kebersihan Masjid Aqsa, pembiayaan elauan Imam jemputan dan rawatib, kos elektrik serta bekalan air.

Program perkongsian tersebut berakhir dengan penyampaian cenderahati oleh Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah bin Ahmad kepada penceramah, Tuan Haji Johan Ariff bin Ismail dan sesi bergambar. Adalah diharapkan para jemputan yang hadir mendapat manfaat serta mewarwarkan perkongsian ini dengan masyarakat dalam usaha berterusan mengumpul dana wakaf serta infaq daripada seramai mungkin individu, keluarga, persatuan, institusi atau mana-mana agensi demi tanggungjawab menjaga masyarakat Rohingya dan Masjid Al-Aqsa ini daripada ancaman kufar dan pemimpin yang zalim.





# Taklimat Program Mobiliti Berkredit FSSG

## ke Tanjung Pinang, Kepulauan Riau, Indonesia

Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) telah menganjurkan taklimat program mobiliti berkredit ke Sekolah Tinggi Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (STISIPOL) Tanjung Pinang, Kepulauan Riau, Indonesia pada 2 Mei 2018 yang bertempat di bilik mesyuarat FSSG, UniSZA. Program Mobiliti Berkredit ke STISIPOL bakal berlangsung pada 15 September 2018 – 15 Januari 2019 iaitu selama 17 minggu.

Sehingga tahun 2018, banyak kerjasama yang telah dijalankan antara Fakulti Sains Sosial Gunaan, UniSZA dengan STISIPOL sejak memeterai Perjanjian Persetujuan (MoA) dengan FS GG pada 23 Ogos 2017 di UniSZA.

Perjanjian MoA yang ditandatangani melibatkan kerjasama dua hala berkaitan penyelidikan, pertukaran warga akademik dan pelajar serta pengajuran bersama persidangan.

Tujuan program Mobiliti Berkredit ke STISIPOL dilaksanakan adalah bagi mengukuhkan jaringan kerjasama antara UniSZA dan STISIPOL terutamanya bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Selain itu, mobiliti ini juga dapat menyediakan peluang kepada mahasiswa UniSZA khususnya kumpulan pelajar B40 untuk memperoleh pengalaman di peringkat antarabangsa dalam konteks ilmu terutama melibatkan interaksi budaya, pendidikan, adat dan situasi masyarakat setempat di Riau, Indonesia.

Program ini juga dilihat dapat memberi peluang kepada mahasiswa UniSZA untuk menonjolkan sikap dan personaliti yang terbilang ketika program mobiliti di luar negara dan meningkatkan keintelektualan mahasiswa melalui pertukaran idealisme, sesi dialog serta teknik pembelajaran baharu di universiti yang berbeza.

Mobiliti Berkredit ini akan dijalankan di bawah Program Studi Sosiologi yang memerlukan mahasiswa menjalani sesi perkuliahan satu semester di STISIPOL. Sepanjang program ini berjalan, mahasiswa akan mengikuti pelbagai aktiviti yang dirancang dan tugas yang diberikan oleh STISIPOL.



Seramai lima orang pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda Antropologi dan Dakwah telah terpilih untuk mewakili Fakulti Sains Sosial Gunaan bagi program Mobiliti berkredit ini. Taklimat berkenaan program tersebut telah disampaikan oleh Encik Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee, Pensyarah Pusat Antarabangsa, UniSZA.

Program Mobiliti berkredit ini diharapkan akan berjaya dan mencapai sasaran seperti yang dirancang dan meneruskan kerjasama seumpama ini pada masa akan datang.



# Program Mobiliti Pengantarabangsaan Mahasiswa ke Bandung, Indonesia

Program Mobiliti Pengantarabangsaan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) ke Bandung, Indonesia telah dijalankan selama tujuh hari enam malam bermula dari 24-30 April di Bandung, Indonesia dengan kerjasama Universitas Padjajaran Bandung, Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati dan Persantren Sunan Ambu Bandung.

Pihak FSSG, UniSZA yang diketuai oleh Timbalan Dekan (HEPA) Dr. Norsuhaily Abu Bakar telah mengadakan Memorandum Persefahaman (MOU) dan Memorandum Perjanjian (MOA) bersama Fakulti Ilmu Sains Kemasyarakatan dan Ilmu Politik Universitas Padjajaran dan Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati yang mana kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan Program Pertukaran Pelajar Berkredit, Program Pertukaran Pelajar Tidak Berkredit, Mobiliti Staff dan Pelajar serta Program Seminar Antarabangsa bagi melengkapkan pencapaian *Malaysia Research Assessment (MyRA)* 2019.

Selain itu, pelajar Persatuan Mahasiswa FSSG juga mengadakan Baktiswra bersama anak-anak yatim Persantren Sunan Ambu Bandung. Persantren ini menolong anak yatim setempat dalam memberi pengajaran dan pembelajaran percuma yang mana dipelopori oleh pensyarah dakwah daripada UIN Sunan Gunung Djati iaitu Dr. Herny (Ambu).

Melalui program Mobiliti Pengantarabangsaan sebegini, pertukaran idea dan ilmu berkaitan bidang sains sosial serta perbincangan berkaitan isu-isu semasa akan dapat meningkatkan kepakaran kedua-dua belah pihak amnya

serta UniSZA dan Universitas Padjajaran Bandung, Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati dan Persantren Sunan Ambu Bandung, khususnya.

Program ini juga memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenali gaya hidup komuniti Indonesia dan anak-anak yatim yang terpinggir. Dalam pada itu, kerjasama penyelidikan dan seminar dari kedua-dua belah pihak akan mengeratkan lagi kerjasama dua hala antara budaya dan masyarakat Indonesia-Malaysia.





# UniSZA Terima Kunjungan Delegasi Turki

UniSZA telah menerima kunjungan daripada delegasi Turki bagi program *English Immersion Mobility* (EIM 2018). Delegasi tersebut terdiri daripada tiga orang pengiring dan 40 orang pelajar pelbagai jurusan bidang pengajian yang dipilih dalam kalangan institusi pengajian tinggi di Turki. Program ini adalah hasil kerjasama antara pihak *Turkey Youth Foundation* (TUGVA) dengan Pejabat Naib Canselor (PNC), Pusat Antarabangsa (IC), Pusat Komunikasi Korporat (PKK) serta Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK).

Tujuan utama program ini dijalankan adalah bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan peserta terutamanya kebolehan untuk bertutur dalam bahasa tersebut. Program ini dijalankan bermula 24 Julai dan berakhir pada 29 Ogos. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tempoh tersebut seperti aktiviti pemerkasaan bahasa Inggeris di dalam dan di luar bilik kuliah, sesi perkongsian ilmu, lawatan-lawatan sekitar Terengganu dan lain-lain.

FBK telah diamanahkan untuk menjalankan aktiviti pemerkasaan bahasa Inggeris dan sesi perkongsian ilmu. Fasilitator terlatih seramai sepuluh orang yang terdiri daripada pelajar FBK telah dilantik bagi mengendalikan aktiviti-aktiviti bahasa. FBK juga telah menjalankan tiga siri *Night Talk* yang merupakan sesi perkongsian ilmu dan pengalaman. Sesi perkongsian yang pertama telah disampaikan oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif tentang hubung kait antara negara Turki dengan Malaysia dalam konteks perkembangan ilmu dan Islam. Siri yang kedua pula melibatkan perkongsian berkenaan pelbagai spesis burung yang terdapat di Terengganu oleh Pengarah IC, Encik Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee. Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh pula telah berkongsi pengalaman beliau semasa ditahan oleh pihak Israel semasa misi kemanusian bagi menghantar bantuan perubatan ke negara Palestin.

Para peserta juga diperkenalkan dengan makanan-makanan tempatan sepanjang tempoh program ini. Pihak UniSZA turut mengatur beberapa siri lawatan sekitar Terengganu bagi memperkenalkan kebudayaan dan pelbagai khazanah yang terdapat di negeri ini. Para peserta juga diberi peluang untuk menikmati keindahan Tasik Kenyir dan aktiviti kemasyarakatan di Kampung Mangkuk dan Kampung Seri Kenangan, Setiu.

Delegasi EIM 2018 bersama fasilitator turut dibawa melawat ke tempat-tempat menarik yang lain seperti Pasar Payang, Muzium Negeri Terengganu, Tasik Putrajaya dan lain-lain. Majlis Penutup EIM 2018 ini telah dijalankan pada 27 Ogos bertempat di Kementerian Pendidikan Malaysia yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik. Beliau juga telah menyampaikan hasrat supaya program pemerkasaan bahasa Melayu juga perlu diadakan pada masa hadapan.

Penganjuran program ini telah memberi impak yang sangat besar bagi UniSZA seiring dengan hasrat universiti untuk menjadi yang tersohor di dunia. Program mobiliti seperti EIM 2018 ini bukan sahaja dapat membantu memperkenalkan universiti di mata dunia. Namun ia juga memberi peluang kepada pelajar UniSZA dan pelajar dari negara luar untuk menjalinkan kerjasama akademik, sosiobudaya dan lain-lain.





# ‘Lets Run For Our Heart’




The Faculty of Health Sciences (FSK) successfully organised FSK Run 2018 on 6 October with the theme ‘Lets Run for our Heart’. This programme was initiated by the School of Rehabilitation Science. It covered a 5km running route around the Gong Badak campus starting and ending at the Dewan Al-Muktafi Billah Shah (DABS). This programme was open to UniSZA students, staff and the public. The fee for staff and students was RM25 and RM35 for the public. Participants were provided with a t-shirt, self-print e-certificate and snack pack. The first 30 to finish received medals.

Interestingly, the public also joined the health and fitness programme on the same day. This free activity included aerobics, consultation on health and fitness, exercise, and nutritional information to stay healthy and fit. Hopefully this programme will enhance and motivate a sports spirit and healthy lifestyle among the local communities in accordance with Malaysia’s aspiration to be a healthy, vibrant and productive nation.







1 Juara Kejohanan Futsal MAKSAK Terengganu 2018

2-3 Tempat Ke 3 Keseluruhan (2 Emas/5 Perak/5 Gangsa) dalam 6<sup>TH</sup> PKS UniSZA Open Archery Tournament 2018

4 Ranking ke 10 dari 20 pasukan bertanding (1 Emas/1 Perak/4 Gangsa) dalam Kejohanan MASUM Fasa 1

5 Naib Juara Net A dan No 2 Kategori VIP dalam Kejohanan Golf Antara Universiti Awam 2018

6 Tempat Ke 5 Keseluruhan dalam Varsity Boat Race Kebangsaan 2018

7-8 Ranking ke 8 dari 20 pasukan bertanding (1 Emas/1 Perak/10 Gangsa) dalam Kejohanan MASUM Fasa 2

9-14 Ranking ke 6 dari 21 pasukan bertanding (7 Emas/3 Perak/7 Gangsa) dalam Kejohanan SUKUM ke 43

15-16 Ranking ke 3 dari 19 pasukan bertanding (1 Emas/2 Perak/2 Gangsa) dalam Kejohanan Olahraga MOHE Sport Festival 2018

17 Atlet SUKMA



## Pendaftaran Pelajar Baharu Program Ijazah Sarjana Muda Sesi 2018/2019

Fakulti	Program	Jumlah
Fakulti Perubatan	Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan	60
Fakulti Sains Kesihatan	Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan Kepujian	62
	Ijazah Sarjana Muda Dietetik dengan Kepujian	54
	Ijazah Sarjana Muda Pengimejan Perubatan (Kepujian)	50
	Ijazah Sarjana Muda Sains Pemakanan (Kepujian)	54
	Jumlah	220
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi (Kepujian)	83
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (dengan Kepujian)	96
	Jumlah	179
Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	111
	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam) dengan Kepujian	116
	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Risiko dan Takaful) dengan Kepujian	93
	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kekayaan Islam dengan Kepujian	91
	Jumlah	411
Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi	Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian dengan Kepujian	65
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian (Reka Bentuk Produk)	38
	Jumlah	103
Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa	Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian	107
	Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa dengan Kepujian	80
	Jumlah	187
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin) dengan Kepujian	121
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dengan Kepujian	140
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah) dengan Kepujian	124
	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kaunseling dengan Kepujian	107
	Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan As-Sunnah (Qiraat) dengan Kepujian	49
	Jumlah	541
Fakulti Informatik dan Komputeran	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dengan Kepujian	40
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Rangkaian Komputer) dengan Kepujian	36
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Internet)	26



Fakulti	Program	Jumlah
Fakulti Sains Sosial Gunaan	dengan Kepujian	
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Informatik Media) dengan Kepujian	35
	Jumlah	137
	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi Dan Dakwah) dengan Kepujian	95
Fakulti Bioteknologi dan Industri Makanan	Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial dengan Kepujian	88
	Jumlah	183
	Ijazah Sarjana Muda Produksi dan Kesihatan Haiwan dengan Kepujian	47
	Ijazah Sarjana Muda Sains(Kepujian) Sains Akuatik	38
Jumlah Keseluruhan	Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian dengan Kepujian	25
	Ijazah Sarjana Muda Perniagaantani dengan Kepujian	6
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan dengan Kepujian	76
	Jumlah	192
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2213</b>



**AL ISTIMA' WA AL-KALAM****PENULIS:** Nashaat Baioumy, Muhamad Zaid Ismail, Mohd Fauzi Abdul Hamid**ISBN :** 978-967-2231-01-1 | **HARGA:** RM29.00 | **TAHUN:** 2018

Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran bahasa terpenting dalam bidang pengajaran Bahasa Arab kepada bukan penutur jati. Kedua-dua kemahiran ini menjadi wasilah utama untuk pelajar berkomunikasi dengan penutur jati bahasa Arab dalam pelbagai situasi kehidupan seperti menggambarkan idea dan perasaan serta menjawab segala persoalan yang bermain di fikiran. Buku ini mengandungi bahan bahasa Arab yang pelbagai, sesuai dengan keperluan pelajar. Bahan-bahan tersebut dijadikan latihan untuk pelajar mempraktikkan kemahiran mendengar dan bertutur dengan yakin dan berani. Bahan-bahan yang dipilih mengikut tahap pelajar yang sederhana. Latihan-latihan dibahagikan kepada dua bahagian mengikut kemahiran mendengar dan bertutur. Ia bertujuan untuk pelajar lebih fokus kepada kemahiran tersebut, seterusnya dapat menguasainya dengan baik.

**AL-MIFTAH FI AHKAM AL-NIKAH****PENULIS:** Jamalluddin Hashim, Siti Khatijah Ismail, Zulkifli Mohd, Syh Noorul Madiyah Syed Husin, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali**ISBN:** 978-967-0899-95-4 | **HARGA:** RM46.00 | **TAHUN:** 2018

Al-Quran dan al-Sunnah menunjukkan bahawa perkahwinan merupakan salah satu sunatullah di dunia. Nabi Adam diciptakan kemudian diikuti dengan anak-anaknya mengikut sunah ini. Kehidupan manusia secara berpasangan (perkahwinan) menjadi sebab kepada kewujudan individu-individu. Daripada individu dan hidup secara berpasangan ini melahirkan umat dan bangsa yang pelbagai. Pasangan yang terdiri daripada lelaki dan perempuan hakikatnya adalah satu yang diperlihatkan dalam dua bentuk. Ia juga dianggap sebagai satu roh yang berkembang dalam dua jasad dan sebagai suatu binaan yang terdiri daripada dua rukun. Mengetahui hukum-hakam berkaitan perkahwinan dan mengajarkannya merupakan suatu keperluan yang penting dan wajib bagi mereka yang ingin mendirikan rumah tangga. Sebagai contoh, mengetahui syarat-syarat sah akad dan perkara yang membubarkan perkahwinan seperti talak, mengetahui kewajipan bagi seorang isteri ke atas suaminya dan tanggungjawab suami terhadap isteri. Sehubungan dengan itu, kejahilan dan pengabaian terhadap perkara-perkara ini membawa kepada kemasuhan sesebuah perkahwinan dan antara kesannya ialah akan berlaku pergaulan secara haram. Bertitik tolak dari sini, usaha menerbitkan buku ini dilakukan bagi membantu penguasaan terhadap pengetahuan tentang perkahwinan melalui penjelasan mengenai kepentingan dan galakan perkahwinan, hukum-hakam yang khusus tentang pensyariatannya dan perbahasan berkait dengan akad perkahwinannya dan apa-apa yang berkait dengannya yang terdiri daripada hukum-hakam dan syarat-syarat, pertunangan, perwalian, penyaksian, sekufu dan wakil. Perbahasan berkaitan dengan hak dan kewajipan dalam perkahwinan dan perceraian, idah, hukum nafkah, penjagaan anak, penyusuan anak, nasab, anak yang tidak diketahui ibu bapanya (laqit) juga turut dikenakan. Kesimpulannya, buku ini mencakupi semua perkara yang diperlukan oleh penuntut ilmu dan mereka yang ingin mendirikan rumah tangga.

**BAIAH DALAM PELAKSANAAN SISTEM DEMOKRASI DI MALAYSIA****PENULIS:** Wan Mohd Yusof Wan Chik, Mohd Sufian Moktar, Ahmad Faizol Ismail**ISBN :** 978-967-0899-99-2 | **HARGA:** RM36.00 | **TAHUN:** 2018

Baiah merupakan elemen penting dalam pelantikan khalifah menurut sistem pemerintahan Islam. Tanpanya, pelantikan khalifah adalah tidak sah. Tidak sebagaimana shura yang sering dikaitkan dengan demokrasi, baiah kurang diberi perhatian. Justeru, buku ini bertujuan menjelaskan konsep baiah dalam sistem politik dan ruang pelaksanaannya dalam konteks sistem demokrasi di Malaysia. Buku ini mempunyai tiga bahagian utama. Bahagian pertama menelusuri latar belakang sistem demokrasi di Malaysia. Ia merangkumi isu sejarah dan kontrak sosial sebagai teras kedaulatan negara dan integrasi nasional. Bahagian kedua pula menumpukan pada konsep baiah dalam politik Islam. Ia menjelaskan tentang konsep dan sejarah baiah sebagaimana yang dibahaskan dalam kitab-kitab fiqh am dan fiqh kenegaraan Islam. Manakala bab ketiga memperincikan elemen-elemen baiah dalam sistem demokrasi di Malaysia. Ia mengetengahkan ruang-ruang pelaksanaan konsep baiah dalam sistem semasa melalui elemen kontrak sosial, upacara angkat sumpah, ketaatsetiaan kepada raja dan negara, pilihanraya, manifesto dan ikrar ajujanji. Ringkasnya, buku ini adalah satu usaha memperkasakan sistem demokrasi yang ada di Malaysia melalui kefahaman dan penerapan konsep baiah. Hal ini amat penting demi menjamin kestabilan negara dan integriti para pemimpinnya sebagaimana yang dituntut oleh syariat Islam.